

RIADAH BERKUDA SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-77



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei semasa Acara Riadah Berkuda sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-77, Tahun 2023. - Foto : Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman (Lihat muka 3, 4, 5 dan 6).

Ketengahkan isu berkepentingan sektor pengangkutan, pelancongan

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 November. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN kali Ke-29 (ATM Ke-29) dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog yang diadakan pada 9 hingga 10 November 2023 di Luang Prabang, Republik Lao (Lao PDR).

Mesyuarat ATM Ke-29 dirasmikan oleh Minister of Public Works and Transport, Lao PDR, Tuan Yang Terutama Ngampasong Muongmany.

Dalam ucapan pembukaannya, Tuan Yang Terutama Ngampasong Muongmany menekankan peranan sektor pengangkutan bagi meningkatkan ketersambungan serta integrasi di antara pihak ASEAN ke arah mencapai visi ASEAN sebagai masyarakat yang mantap, inklusif, bersepadu dan mampan.

>> Muka 9

Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri AELM di San Francisco, Amerika Syarikat

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



Darussalam akan berangkat menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders' Meeting (AELM) yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 November 2023 di San Francisco, Amerika Syarikat.

>> Muka 7

Pupuk kesedaran mengenai risiko diabetes

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

GADONG, Ahad, 12 November. - Obesiti adalah salah satu faktor risiko penting dalam menghadapi diabetes yang mana ia terus meningkat dengan kadar yang tinggi di seluruh dunia dan Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali.

Mengikut data yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, NBD memiliki salah satu kadar obesiti tertinggi di rantau Asia Tenggara, dengan purata 32 peratus pada tahun 2022 berbanding dengan 8.2 peratus pada tahun 1990.

Diabetes tetap menjadi salah satu cabaran terbesar bagi sistem penjagaan kesihatan dan ekonomi di NBD.

Oleh yang demikian, pengesanan dan diagnosis awal diabetes adalah sangat penting untuk mencegah komplikasi-komplikasi tersebut.

Demikian yang telah ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023 (World Diabetes Day) di Ruang Legar, Aras Bawah, The Mall, pagi tadi.

>> Muka 8



Berita Utama



KEMBANGKAN, pertahankan kebudayaan seni Melayu

Muka 9



PEMENANG pertandingan video pendek terima hadiah

Muka 12



PEMENANG Peraduan Melukis Poster terima hadiah

Muka 18



RENCANA BEKERJA juga satu ibadah

Muka 20

Permintaan tenaga kerja AHP meningkat



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa menyampaikan ucap tamanya pada Simposium Profesion Kesihatan Bersekutu yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, pada 22 Oktober 2023.

*Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal
Mursalin, Sayyidina Muhammaddin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in*

*Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi*

ALHAMDULILLAH, saya amat berbesar hati berada di sini bersama awda pagi ini di Simposium Profesion Kesihatan Bersekutu 2023

anuran Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professionals - AHP), Kementerian Kesihatan. Terima kasih kepada jawatankuasa penganjur kerana menjemput saya pada acara pagi ini, dan mengalu-alukan semua penceramah, rakan sekerja dan tetamu yang terhormat. Saya gembira dapat bersama awda dalam perjumpaan profesional kesihatan ini dan adalah menjadi harapan saya agar semua orang akan menikmati dan mendapat manfaat yang besar daripada program hari ini.

AHP adalah kumpulan individu yang berkelayakan tinggi dan terlatih daripada pelbagai kepakaran yang memainkan peranan penting, dengan bekerja bersama-sama doktor, jururawat dan profesional penjagaan kesihatan yang lain. Mereka bekerjasama dalam pasukan berbilang disiplin (MDT) ke arah menyediakan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, dengan mempertimbangkan keperluan fizikal, mental, emosi dan sosial pesakit serta menyediakan pelbagai perkhidmatan klinikal termasuk diagnostik, intervensi dan pemulihan.

Sehingga tahun ini, terdapat 319 AHP dalam lingkungan tenaga kerja klinikal Kementerian Kesihatan di seluruh negara, iaitu peningkatan daripada 228 AHP berbanding tahun 2013. Ini dapat dicapai melalui kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, untuk menyelaraskan permintaan bagi tenaga kerja AHP yang berkemahiran tinggi dengan keperluan yang semakin meningkat dalam sektor penjagaan kesihatan.

Sepanjang dekad yang lalu, AHP menjalani beberapa perubahan dan pencapaian dalam pembangunan profesional mereka. Majlis AHP Negara Brunei Darussalam dikuatkuasakan pada 1

Julai 2017, untuk memastikan keselamatan pesakit melalui tadbir urus dan peraturan profesion. Dokumen standard amalan AHP yang disahkan pada tahun 2020 memuji Kod Tatalaku dan etika AHP untuk menetapkan piawaian supaya AHP diwajibkan untuk bertindak secara profesional dan beretika di samping memastikan orang ramai diberikan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

AHP disambut secara global pada 14 Oktober setiap tahun, dengan objektif utama untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan menonjolkan kesan luar biasa AHP terhadap penyampaian penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Tahun ini, Negara Brunei Darussalam menyertai dan menyokong sambutan tersebut dengan menganjurkan simposium AHP dengan tema 'Healthy Ageing' yang dipilih, bersempena dengan Hari Warga Emas Antarabangsa yang disambut 1 Oktober setiap tahun. Tema ini memberi gambaran yang luas dan memaparkan peranan yang berbeza dan sumbangan yang signifikan oleh AHP, dari segi penglibatan mereka dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan, melalui pendekatan MDT dan akan digambarkan dengan baik dalam pengurusan pesakit warga emas.

Dengan kemajuan sains teknologi dan inovasi terkini dalam dunia perubahan dan penjagaan kesihatan, orang ramai dijangka dapat hidup lebih lama. Akibatnya, bilangan warga emas di seluruh dunia akan meningkat tahun demi tahun. Dalam Laporan Sosial Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2023, WHO meramalkan bahawa penduduk warga emas berusia 65 tahun atau ke atas akan meningkat daripada 761 juta pada 2021 ke lebih dua kali ganda, iaitu kira-kira 1.6 bilion pada 2050.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada trend penuaan global ini. Pada 2001, peratusan penduduk berusia 65 tahun

Terjemahan oleh : Dayang Hajah Apsah binti Haji Shadan / Shadan

ke atas meningkat daripada 2.8 peratus. Peratusan ini meningkat kepada 3.5 peratus pada tahun 2011 dan terus meningkat dengan pesat kepada 6.3 peratus pada tahun 2021.

Seperti yang kita sedia maklum, penuaan datang dengan perubahan fisiologi yang dilihat pada tubuh. Perubahan ini kemudian memberi kesan ke atas keupayaan mental dan fizikal warga emas, dan akhirnya akan membawa kepada pengurangan keseluruhan, dalam keupayaan fungsi mereka. Misalnya, seorang pesakit warga emas mengalami komplikasi klinikal kronik dengan isu kesihatan lebih rumit, terdapat kemungkinan lebih besar penglibatan beberapa AHP dalam menguruskan kes tersebut. AHP diagnostik yang terdiri daripada juru X-Ray, Pegawai Optometri, Pakar Orthoptist dan Audiologis menjalankan ujian diagnostik dan menjalankan siasatan klinikal. AHP pemulihan yang terdiri daripada ahli fisioterapi, jurupulih carakerja, ahli terapi pertuturan dan bahasa serta guru kurang pendengaran akan mengoptimalkan lagi fungsi dan kebebasan individu. AHP intervensi dan kaunseling terdiri daripada pakar podiatri, ahli psikologi, pekerja sosial perubatan, pakar diet dan paramedik yang berperanan untuk memberi khidmat nasihat klinikal dalam menangani isu-isu perubatan, psikologi, sosial dan sosio ekonomi yang memberi kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan warga emas.

>> Muka 18



WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13	ISNIN	29	4.37	4.47	6.07	6.31	12.05	3.27	6.02	7.14
14	SELASA	30	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	RABU	1 (Jamadilawal)	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	KHAMIS	2	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
17	JUMAAT	3	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	SABTU	4	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	AHAD	5	4.37	4.47	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Pekan Bangar	31 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Pekan Tutong	32 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 
Kuala Belait	31 25 °C 	32 25 °C 	32 25 °C 

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

13 NOVEMBER 2023

Bersukan demi kesihatan kita

AKTIVITI sukan dan riadah merupakan salah satu perkara yang sangat bermanfaat dalam kehidupan kita dan penting untuk perkembangan kesihatan diri kita. Islam juga menganjurkan umatnya supaya sentiasa memelihara kesihatan dan meningkatkan kekuatan tubuh badan serta ketajaman akal. Kerana itu, Islam menggalakkan aktiviti-aktiviti riadah yang mampu meningkatkan kemampuan fizikal dan mental.

Dari sudut biologi, bersukan dapat meningkatkan kesihatan kardiovaskular, kekuatan otot dan kebolehan aerobik.

Individu yang bersukan juga dapat mengawal berat badan jika bersukan dengan kerap dan mengurangkan risiko menghidap penyakit berbahaya seperti serangan jantung, strok dan juga diabetes.

Kita perlu mengimbangkan masa bekerja, berehat dan bersukan atau beriadah supaya kesihatan fizikal dan mental terjamin. Kemudahan infrastruktur sukan yang dibangunkan wajar dimanfaatkan sepenuhnya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyediakan tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan untuk bersukan di negara ini.

Kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam menjaga kemudahan sukan yang disediakan oleh kerajaan.

Dalam pada itu juga, Kementerian Kesihatan pada masa ini melaksanakan inisiatif 'BN On The Move' yang telah dilancarkan pada tahun lalu.

'BN On The Move' menggalakkan orang ramai untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat dengan bersenam atau menjalankan aktiviti bersama-sama.

Ia juga mendorong masyarakat di negara ini untuk meningkatkan dan mengekalkan kegiatan fizikal mereka. Ia seterusnya akan dapat menyumbang kepada penurunan atau khususnya mengurangkan risiko penyakit-penyakit yang tidak berjangkit.

Pada ketika ini, inisiatif tersebut dilaratkan dengan 'Kempen 80 Bilion Langkah Bersama' bermula Ogos lalu sehingga penghujung Disember tahun ini.

Kesihatan yang baik merupakan impian setiap orang. Tanpa nikmat kesihatan yang baik, sukar bagi seseorang itu menjalani kehidupan seharian dengan baik dan sempurna.

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih yang bermaksud jika kita hendak melakukan sesuatu, kita akan menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita dan demikian juga sebaliknya.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama ringan tulang dalam melakukan aktiviti bersukan sekali gus melahirkan rakyat yang sihat, berdaya tahan dan pada masa yang sama memacu negara menjadi lebih maju dan berdaya saing. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Riadah Berkuda sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei berkenan mengepalai Acara Riadah Berkuda yang bermula di Padang No. 1, Jerudong Park Polo and Riding Club. Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja yang lain.

JERUDONG, Ahad, 12 November. - Persatuan Polo Diraja Brunei buat kali ketiga menganjurkan Acara Riadah Berkuda sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Yang Ke-77, Tahun 2023. Berangkat mengepalai Acara Riadah Berkuda tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penaung Diraja Persatuan Polo Diraja Brunei.

Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia di Jerudong Park Polo and Riding Club, dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran

Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong selaku Pengerusi Persatuan Polo Diraja Brunei.

>> Muka 4

Oleh : Khartini Hamir, Rohani Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengepalai Acara Riadah Berkuda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah dan seterusnya bergambar ramai (bawah dan atas).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengepalai Acara Riadah Berkuda sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-77, Tahun 2023. Juga berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja yang lain (atas kiri, atas kanan, bawah kanan dan bawah sekali).

>> Muka 3

Sejurus itu, Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima pesambah dan seterusnya berkenan dijunjung bagi beberapa sesi bergambar ramai sebelum Acara Riadah Berkuda bermula.

Berangkat sama menyertai Riadah Berkuda ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah selaku Presiden Persatuan Polo Diraja Brunei serta kerabat diraja yang lain.

Acara Riadah Berkuda juga turut disertai oleh para Pemain Polo Veteran yang bermula dari Padang No. 1, Jerudong Park Polo and Riding Club menuju persisiran Pantai Jerudong di kawasan Jerudong Park Polo and Riding Club dan kemudian menyelusuri kawasan Pasar Jerudong yang dikenali sebagai

Pasar Ikan Pantai Jerudong.

Pasar tersebut mempunyai keluasan 4.572 ekar dan dibina serta ditadbir oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui arkitek Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 1 Januari 2006, yang kemudian diserahkan kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara untuk mentadbirnya.

Dengan menyelusuri perjalanan sepanjang pantai, bukan sahaja memberikan pemandangan yang indah lagi menyegarkan, bahkan memberikan ketenangan dan kenyamanan dengan pemandangan sekeliling yang ditutupi dengan pokok-pokok yang rimbun menghijau serta keindahan pantai dan laut yang segar terbentang luas.

Perjalanan Acara Riadah Berkuda kemudiannya berakhir sejurus memasuki pekarangan The Empire Brunei, dan kemudian perjalanan diteruskan dengan menaiki kenderaan ATV melalui laluan menuju Indera Samudera, The Empire Brunei sebelum berakhir di pekarangan Pantai Restaurant, The Empire Brunei.

>> Muka 5





SEKITAR Acara Riadah Berkuda sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Yang Ke-77, Tahun 2023, dengan menyelusuri perjalanan sepanjang pantai, bukan sahaja memberikan pemandangan yang indah lagi menyegarkan, bahkan memberikan ketenangan dan kenyamanan dengan pemandangan sekeliling yang ditutupi dengan pokok-pokok yang rimbun menghijau serta keindahan pantai dan laut yang segar terbentang luas (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 4

Berangkat sama dan seterusnya menaiki kenderaan ATV ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain. Sejurus itu, Kebawah DYMM

bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja yang lain dijunjung berangkat ke Majlis Santap.

Kebawah DYMM berkenan memotong kek sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-77, yang disebarkan oleh Persatuan Polo Diraja Brunei.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM sekali lagi berkenan dijunjung bagi mengabadikan kenangan bersama di pekarangan Pantai Restaurant, The Empire Brunei.

Dengan keramaian lebih daripada 50 ahli, Persatuan Polo Diraja Brunei ditubuhkan pada tahun 2017 bagi mengambil alih formasi Royal Brunei Polo Club yang berdaftar pada awal tahun 80-an, yang dikepalai oleh baginda sebagai Presiden, manakala Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit sebagai Pengerusi dan Pengurus Am Polo Club.

>> Muka 6

KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda semasa Acara Riadah Berkuda tersebut (atas). Sementara gambar kanan dan bawah, Kebawah DYMM serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menaiki kenderaan ATV melalui laluan menuju Indera Samudera, The Empire Brunei sebelum berakhir di pekarangan Pantai Restaurant, The Empire Brunei.





KEBAWAH DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bergambar ramai di pekarangan Pantai Restaurant (atas). Manakala gambar bawah kanan, Kebawah DYMM bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta kerabat diraja yang lain berkenan berangkat ke Majlis Santap di Pantai Restaurant, The Empire Brunei.

>> Muka 5

Melalui Acara Riadah Berkuda ini bukan sahaja dapat memberikan suntikan semangat kepada orang ramai, bahkan mampu memberikan gambaran yang positif pada perkembangan sukan berkuda di negara ini, sama ada sukan polo, ekuestrian dan sebagainya.

Dengan penglibatan baginda beserta kerabat diraja juga dapat menjadi inspirasi dan dorongan semangat bagi rakyat untuk melakukan serta menjadikan Acara Riadah Berkuda sebagai salah satu aktiviti kecergasan fizikal ke arah cara hidup yang sihat.



KEBAWAH DYMM berkenan memotong kek sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-77 dan menerima pesambah yang disembahkan oleh Persatuan Polo Diraja Brunei (atas kanan dan atas kiri). Sementara gambar bawah dan kiri, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Komandan Jenderal Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia-Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Mayor Jenderal TNI Deddy Suryadi dan rombongan (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima pesambah.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd.Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Komandan Jenderal Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia-Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Mayor Jenderal

TNI Deddy Suryadi, hari ini. Menyertai Yang Terhormat pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Achmad Ubaedillah. Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri

dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Yang Terhormat Mayor

Jenderal TNI Deddy Suryadi dan rombongan berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama tiga hari bermula dari 10 hingga 12 November 2023 bersempena dengan Ekseksis Petir Sakti yang sedang dilaksanakan dan melibatkan Rejimen Pasukan Khas, ABDB dan KOPASSUS TNI-AD.



Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri AELM di San Francisco, Amerika Syarikat



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

>> Muka 1

Amerika Syarikat adalah tuan rumah bagi Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) pada tahun 2023 yang membawakan tema 'Mewujudkan

Masa Depan yang Berdaya tahan dan Mampan untuk Semua' (Creating a Resilient and Sustainable Future for All). AELM, yang akan dipengerusikan oleh Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang

Terutama Joseph R. Biden Jr., sebagai Pengerusi APEC bagi tahun 2023, adalah sebahagian daripada APEC Economic Leaders' Week (AELW) dan akan mengakhiri tempoh Amerika Syarikat selaku tuan rumah APEC. APEC telah ditubuhkan pada tahun 1989 sebagai

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Asia-Pacific Economic Leaders' Meeting (AELM) yang akan berlangsung pada 15 hingga 17 November 2023 di San Francisco, Amerika Syarikat.



Zealand; Filipina; Singapura; Thailand; dan Amerika Syarikat. AELM yang pertama telah dipengerusikan oleh Amerika Syarikat di Blake Island, Washington pada 20 November 1993. APEC terdiri daripada sebanyak 21 ekonomi di rantau Asia-Pasifik iaitu Australia; Negara Brunei Darussalam; Canada; Chile; Republik Rakyat China; Hong Kong, China; Indonesia; Jepun; Republik Korea; Malaysia; Mexico; New Zealand; Papua New Guinea; Peru; Republik Filipina; Persekutuan Rusia; Singapura; Chinese Taipei; Thailand; Amerika Syarikat; dan Viet Nam.

forum ekonomi serantau untuk memanfaatkan saling ketergantungan yang semakin meningkat di Asia-Pasifik dan untuk mempromosikan perdagangan dan pelaburan yang bebas, adil dan terbuka. Ahli-ahli pengasasnya ialah Australia; Negara Brunei Darussalam; Canada; Indonesia; Jepun; Korea; Malaysia; New

DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), pagi ini berkenan



menerima mengadap Komandan Jenderal Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Mayor Jenderal TNI Deddy Suryadi.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Menyertai Yang Terhormat ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Komandan Jenderal Komando Pasukan Khusus Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat (KOPASSUS TNI-AD), Yang Terhormat Mayor Jenderal TNI Deddy Suryadi (kiri sekali dan kiri).

Terutama Dr. Achmad Ubaedillah.

Turut hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Pupuk kesedaran mengenai risiko diabetes



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapan.

>> Muka 1

Sehubungan dengan ini, Yang Berhormat menegaskan Kementerian Kesihatan terus komited dalam memberikan rawatan diabetes yang terbaik

kepada seluruh penduduk NBD.

Di seluruh dunia jelasnya, 1 daripada 10 orang dewasa menghidap penyakit diabetes dan hampir setengah daripadanya masih belum lagi didiagnos.

Menurut Yang Berhormat, Persekutuan Diabetes Antarabangsa (IDF) telah melaporkan, pada tahun 2021, sebanyak 11.1 peratus kes diabetes di NBD adalah daripada golongan dewasa berusia 20 hingga 75 tahun yang mana peratus ini telah melebihi jumlah peratus global, iaitu sebanyak 9.1 peratus.

"Diabetes adalah penyakit kronik yang menjurus kepada ketinggian paras gula dalam darah. Ia sering kali disebabkan oleh ketidakmampuan tubuh badan untuk menghasilkan atau

menggunakan insulin dengan efektif.

"Gangguan metabolik ini dalam jangka masa yang panjang boleh menyebabkan komplikasi yang sangat berbahaya, termasuk penyakit jantung, strok, penyakit buah pinggang, kehilangan penglihatan, amputasi anggota badan, dan kematian pramatang," terang Yang Berhormat.

Di NBD katanya, statistik komplikasi disebabkan oleh penyakit diabetes adalah seperti berikut, iaitu 1 daripada 4 pesakit yang menghidap diabetes mendapat ulser kaki yang seterusnya menjadi punca bagi pengudungan kaki dan pada tahun 2022, kadar retinopati diabetes meningkat dari 18 peratus kepada 22.9 peratus dalam masa dua dekad.

Manakala, kadar keseluruhan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

retinopati diabetes tahap teruk dan retinopati diabetes tahap proliferaatif ialah 6.3 peratus iaitu hampir dua kali ganda daripada kadar yang dilaporkan pada tahun 2015 iaitu 3.7 peratus.

Pada tahun 2022, Yang Berhormat menjelaskan 70 peratus pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang di peringkat akhir (end stage renal disease) dan menjalani dialisis juga menghidap penyakit diabetes.

"Pengetahuan tentang risiko diabetes adalah sangat penting bagi membolehkan individu mengenali risiko mereka (*susceptibility*) terhadap diabetes dan seterusnya mengambil langkah proaktif untuk

pencegahannya.

"Kebanyakan penghidap diabetes adalah mereka yang menghidap diabetes jenis 2, yang sering kali dikaitkan dengan faktor gaya hidup seperti diet yang kurang sihat, kurang aktiviti fizikal, dan obesiti," tambahnya.

Yang Berhormat seterusnya ingin menyarankan kepada semua agar berusaha untuk mengubah gaya hidup ke arah yang lebih sihat dan aktif dan mengekalkan berat badan yang normal demi untuk mencegah dan mengurangkan penyakit diabetes serta komplikasinya demi mendukung Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah 'Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.

Pencegahan kunci utama mengawal diabetes

GADONG, Ahad, 12 November. - Kementerian Kesihatan pada hari ini telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023 (World Diabetes Day) yang berlangsung di Ruang Legar, Aras Bawah, The Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Acting Specialist (Endocrine), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Nurshazwani binti Haji Mat Salleh selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023.

Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa pencegahan adalah kunci utama untuk mengawal penyakit diabetes.

Bagi mereka yang mempunyai diabetes tegasnya, pengawalan diabetes dengan baik adalah penting bagi mengelakkan komplikasi-komplikasi serius, yang menjadi penyebab kematian.

Justeru, beliau ingin menekankan kepentingan kesedaran dan pengetahuan mengenai diabetes kerana dengan

mengetahui faktor risiko diabetes, seseorang itu akan dapat membuat pemeriksaan dengan lebih kerap, mengambil strategi pencegahan, atau mengesan diabetes pada peringkat awal sebelum komplikasi lain terjadi.

Tambahnya, adalah diharapkan acara pada tahun ini akan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai diabetes kanak-kanak termasuk langkah-langkah pencegahan dan rawatannya.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada tetamu kehormat dan diselenggarakan dengan perasmian Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023.

Tetamu kehormat juga telah menyampaikan hadiah kepada lima pemenang bagi pertandingan seni (Art Competition) anjuran Jabatan Pediatrik, Hospital RIPAS.

Sambutan Hari Diabetes Sedunia pada tahun ini bertemakan Akses Kepada Penjagaan Diabetes iaitu 'Ketahui Risiko Awda, Ketahui Tindakan Awda' (Know Your Risk, Know Your Response), yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, mendidik orang ramai agar mereka mengetahui dan mengenal pasti risiko diabetes dan membuat saringan awal bagi

memperkasakan diri mereka menguruskan diabetes dengan lebih baik melalui cara hidup yang sihat.

Pada majlis ini juga terdapat pameran dan pelbagai aktiviti diadakan sempena Sambutan tersebut seperti Saringan pemeriksaan kesihatan iaitu pemeriksaan glukosa darah, tekanan darah dan mata; Booth pendidikan yang dikendalikan oleh Unit Pediatrik bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit diabetes di kalangan kanak-kanak dan Unit Podiatri bertujuan untuk mengetahui cara penjagaan kaki yang betul dan komplikasi kaki bagi pesakit yang menghidap diabetes; Booth mengenai obesiti bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai obesiti, termasuk langkah-langkah pencegahan dan pilihan rawatan yang tersedia di Negara Brunei Darussalam.

Terdapat juga aktiviti lain seperti sesi senaman yang dibukakan kepada orang ramai serta secara percuma dan sesi perkongsian daripada pakar-pakar di bawah Unit Endokrin, Unit Pediatrik, Unit Dietetik, Unit Oftalmologi dan Unit Podiatri, Hospital RIPAS.

Bersempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023 ini juga, Simposium Diabetes : Fokus



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyaksikan sekitar Majlis Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2023 (World Diabetes Day) yang berlangsung di Ruang Legar, Aras Bawah, The Mall.

terhadap Penyakit Kaki Diabetes yang dihadiri oleh doktor-doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu telah diadakan pada 5 November lalu.

Simposium pendidikan tersebut berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, memberi tumpuan kepada penyakit kaki diabetes di mana diabetes adalah punca utama pengudungan kaki.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Kesihatan.

KETENGAHKAN ISU BERKEPENTINGAN SEKTOR PENGANGKUTAN, PELANCONGAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN kali Ke-29 (ATM Ke-29) dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog yang diadakan di Luang Prabang, Lao PDR (kanan dan kiri).

Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN pada 2023.

Mesyuarat berkenaan mengesahkan dokumen-dokumen yang menekankan keperluan sektor pengangkutan yang selamat dan berdaya tahan, iaitu The ASEAN Air Navigation Services Master Plan (Third Edition); The Protocol 3 of ASEAN Mutual Recognition Arrangement on Flight Crew Licensing (MRA-FCL) : Safety Oversight Capabilities of National Aviation Administration; The ASEAN Sustainable Aviation Action Plan (ASAAP) and its Work Plan 2023-2024; The Policy Recommendations to Improve Electric Vehicle (EV) Infrastructure and Charging Stations; The Guidelines on Smart Port; dan Recommendations to Strengthen Regional Preparedness for Future Crisis, with regard to: promoting continuity of port terminal operations, and facilitating crew change and repatriation.

Selain daripada Mesyuarat ATM Ke-29 dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog, satu Mesyuarat Interface diadakan di antara Menteri - menteri



Pengangkutan ASEAN dan Menteri-menteri Pelancongan ASEAN pada 10 November 2023.

Objektif utama mesyuarat berkenaan adalah bagi membincangkan isu-isu berkepentingan serta berhubung kait secara *cross-sectoral* di antara sektor pengangkutan dan pelancongan bagi memupuk kerjasama serta memudahkan cara pemulihan perjalanan (*travel recovery*) di rantau berkenaan.

Mesyuarat berkenaan juga turut bertukar-tukar pendapat mengenai inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan perjalanan pelancongan, termasuk inisiatif - inisiatif seperti pendigitalan, penyelarasan proses-proses dan kemampunan sektor berkenaan.

Mesyuarat ATM Ke-29 diikuti dengan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog Pengangkutan ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun

dan Republik Korea bagi membincangkan inisiatif-inisiatif ke arah membangunkan kerjasama pengangkutan termasuk mengesahkan rangka-rangka kerja utama masing-masing.

Mesyuarat ATM Ke-29 berkenaan didahului dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN kali Ke-56 (STOM ke-56) dan Mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog yang diadakan pada 7 hingga 8 November 2023 di Luang Prabang, Lao PDR.

Delegasi Negara Brunei Darussalam STOM Ke-56 diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Mesyuarat STOM Ke-56 membincangkan dokumen-dokumen untuk dihidapkan

kepada Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN, dan juga status program, aktiviti dan projek di bawah rangka kerja Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTSPP) 2016-2025.

Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) merupakan platform tahunan dengan Menteri-menteri Pengangkutan daripada negara-negara ahli ASEAN berkumpul untuk berbincang dan meneruskan kerjasama pengangkutan dalam ASEAN dan Rakan-rakan Dialog khususnya mengenai kemajuan kerjasama pengangkutan termasuk projek-projek dan inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan lagi keselamatan sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan mampan demi menyokong integrasi dan kemajuan ekonomi di rantau ASEAN.

Kembangkan, pertahankan kebudayaan seni Melayu

**Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad**

Bagi peserta terbaik keseluruhan dirangkul oleh Nur Aqilah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan di Dewan Digadong, KKBS, di sini, ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Canang Citra Budaya ini adalah usaha untuk memperkembangkan dan memelihara kebudayaan dan kesenian melalui pertandingan yang mengetengahkan dan memperkenalkan nyanyian lagu-lagu tradisi Negara Brunei Darussalam.

Antara objektif pertandingan adalah untuk mengangkat seni Melayu khususnya seni muzik dan lagu tradisi yang melambangkan identiti kebruneian serta menggalakkan belia-belie untuk berkecimpung dalam bidang seni

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Canang Citra Budaya Kali Ke-10.

muzik dan lagu tradisional di samping, mengumpulkan belia-belie yang berbakat dalam bidang seni suara agar lebih aktif dan inovatif.

Seramai 10 peserta terpilih ke peringkat akhir iaitu lima peserta dalam setiap kategori yang membawakan lagu-lagu irama Melayu yang dicipta oleh pencipta-pencipta tempatan.

Juara Kategori 'A' berumur 18 - 35 tahun dan Kategori 'B' yang berumur 36 tahun ke atas membawa pulang wang tunai bernilai BND4,000 berserta piala dan sijil. Naib johan membawa pulang wang tunai berjumlah BND3,000 berserta piala dan sijil dan seterusnya tempat ketiga pula menerima hadiah wang tunai BND2,000 berserta piala dan sijil.

Bagi peserta terbaik keseluruhan membawa pulang wang tunai BND500 berserta piala dan sijil.

Pada majlis itu diselenggarakan dengan penyerahan sijil kepada Enes Metehan SAHIN selaku pembekal dari Yildiz Technical



University, Republik Turkiye dan peserta-peserta dalam Bengkel Kebudayaan dan Kesenian dalam Permainan Gambus.

Bengkel ini adalah salah satu aktiviti di bawah Memorandum

Persefahaman Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan Republik Turkiye.



ANTARA yang hadir menyaksikan Pertandingan berkenaan (kiri). Sementara gambar kanan, antara peserta pada pertandingan tersebut.



RAIH KEBERKATAN, MOHON PERLINDUNGAN

Siaran Akhbar dan Foto: Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Nama surah Al-Waqi'ah merupakan nama Hari Kiamat, dari perkataan *waqa'a* yang bermaksud 'terjadi'.

Ini bermaksud Hari Kiamat akan benar-benar terjadi apabila tiba saatnya nanti. Permulaan surah ini menceritakan tentang hakikat kematian dan menerangkan bagaimana Hari Kiamat akan berlaku.

Ini menunjukkan bahawa dunia ini sementara dan kehidupan hakiki yang sebenarnya adalah di akhirat nanti. Surah ini juga memberikan khabar gembira kepada kita dengan menceritakan tentang tiga golongan utama di akhirat dan ganjaran mereka masing-masing.

Tanda-tanda kekuasaan Allah dalam membangkitkan dan memberi balasan turut digambarkan dalam surah ini, menunjukkan rahmat dan keadilan Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu perhitungan yang sangat adil di akhirat dan nikmat syurga yang sangat banyak.

Demikian antara perkongsian Tadabbur Surah Al-Waqi'ah yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Sarinah binti Haji Yahya, semasa acara Malam Munajat Khas Untuk Wanita Kali Ke-12 yang berlangsung malam tadi.

Acara Malam Munajat Khas Untuk Wanita kali ini mengundang


tetamu khas, Yang Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam, Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah. Beliau menyertai dari Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang bersama ahli-ahli Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam.

Mengimarahkan lagi acara Malam Munajat Khas Wanita Kali Ke-12 ialah tenaga pengajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah (ITQSHHB), jemaah Muslimah Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, dan jemaah Muslimah dari 10 buah masjid lain di seluruh negara.

Ikut sama menyertai ialah Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dan warga kerja wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Waqi'ah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, ITQSHHB, Dayang Faten Salwa binti Haji Ibrahim, dari musolla (surau) institut berkenaan.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran,



DATIN Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyertai acara Malam Munajat Khas Untuk Wanita yang diisikan dengan Tadabbur Surah Al-Waqi'ah yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Sarinah binti Haji Yahya.

Pengiran Razmahayati binti Pengiran Haji Mahmud, selaku Ahli Jawatankuasa Tadbir Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam.

Selesai Tadabbur Surah Al-Waqi'ah, bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Tingkat Khas, Maktab Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Dayang Nur Aizat Yatimi binti Haji Shari, juga selaku Penolong Setiausaha Kehormat II Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam.

Bagi menutup acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Wardah binti Haji Ibrahim.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan

menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengamiinkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau Facebook Page rasmi Pusat Da'wah Islamiah.



BACAAN Surah Al-Fatihah diketuai oleh Penasihat Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B', Datin Hajah Rohanie binti Haji Ahmad.

SENGKURONG, Ahad, 12 November. - Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sengkurong 'B' melalui inisiatif Jawatankuasa Tertinggi berserta ahli-ahlinya, julung-julung kalinya mengadakan program membaca Al-Quran Dua Muka Satu Hari (2M1H) yang bermula pada awal bulan Januari tahun 2023 ini dan selesai Khatam Al-Quran pada 28 Oktober lalu.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bagi program ini diadakan hari ini di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Lebih 40 ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' sama-sama mengikuti program ini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Penasihat Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Datin Hajah Rohanie binti Haji Ahmad yang juga mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat At-Tafrijiyyah beramai-ramai

Melahirkan generasi Al-Quran



Siaran Akhbar : Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B'
Foto : Azmah Haji Ahad

diketuai oleh Ketua Biro Keagamaan, Dayang Hajah Rosnah @ Osnah binti Haji Tamin.

Doa Khatam Al-Quran diketuai oleh Dayang Hajah Rahimah binti Abas, sementara Doa Qunut Nazillah pula dipimpin oleh Dayang Nazirah binti Azizan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Kahidah binti Haji Salat.

Program seperti ini akan diteruskan pada setiap tahun sebagai salah satu aktiviti Biro Wanita MPK Sengkurong di bawah Biro Keagamaan.

Majlis seumpama ini diadakan

adalah bertujuan untuk menggalakkan ahli-ahli Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' khususnya dan kaum wanita amnya membaca Al-Quran. Seterusnya menjadikan budaya membaca Al-Quran ini sebagai aktiviti dalam kehidupan seharian, selain memperbanyakkan amal ibadat menerusi pembacaan Al-Quran.

Dalam pada itu juga, ia adalah untuk menarik minat setiap anggota Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' untuk membaca dan mengkhataamkan Al-Quran, bagi melahirkan generasi Al-Quran.



PENASIHAT Biro Wanita MPK Sengkurong 'B', Datin Hajah Rohanie hadir selaku tetamu khas dan bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran bagi program membaca Al-Quran Dua Muka Satu Hari (2M1H) anjuran Biro Wanita MPK Sengkurong 'B' yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong (atas dan atas sekali kanan).

MOHAMMAD KHAIROUL CALON TUNGGAL KETUA KAMPUNG BUNUT PERPINDAHAN

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku Pengerusi bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 November. - Seramai 218 penduduk kampung daripada 228 orang yang berdaftar dan layak mengundi hadir mengundi calon untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas. Daripada 218 jumlah pengundi berkenaan, seramai 10 pengundi

menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan seramai 208 hadir dengan kaedah mengundi melalui kertas undi (*ballot paper*). Daripada jumlah yang hadir mengundi berkenaan, seramai 216 orang bersetuju dan sebanyak dua undi rosak. Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung



Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas pagi tadi berlangsung di Sekolah Rendah Bendahara Sakam, Bunut, Mukim Kilanas di sini yang dipengerusi oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Misle bin Haji Abdul Karim. Bagi pengundian yang menggunakan kaedah secara dalam talian melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK bermula pada 10 November 2023.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas ialah Awang Mohammad Khairoul bin Haji Jumat, berumur 41 tahun dan bermastautin di kampung berkenaan sejak 1990.

Beliau mempunyai kelulusan tertinggi Pre-National Diploma dalam bidang Armament Engineering. Sebelumnya, beliau berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selama 15 tahun dan pernah bekerja dengan beberapa buah syarikat swasta sebelum bertugas sebagai Pemangku Ketua Kampung Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas hingga sekarang.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Kilanas dan Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Lumapas, pegawai daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta pegawai dan kakitangan Jabatan DBM.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung

Bunut Perpindahan, Mukim Kilanas berkenaan akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung seterusnya akan diadakan pada 17 November 2023 bagi jawatan Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri yang akan mengambil tempat di Taman Riadah Bukit Mengkubau, Rancangan Perumahan Negara Panchor.

Oleh yang demikian, para penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di Kampung Kawasan 4, Rancangan

Perumahan Negara Panchor serta berumur 18 tahun (pada tarikh pengundian) dan ke atas adalah dialu-alukan untuk mendaftar sebagai pengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK bermula pada 14 November 2023.

Para pengundi yang disahkan pendaftarannya melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK selaku pengundi yang layak mula mengundi bermula 15 November 2023 dan akan berakhir pada jam 11.00 pagi pada hari Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri diadakan.

Dan bagi para penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri yang layak untuk mengundi dan belum mendaftar bolehlah hadir pada hari Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri yang akan diadakan nanti.



TURUT hadir pada majlis berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas). Manakala gambar kanan, semasa keputusan pengundian dilaksanakan.

Muhammad Mu'izwan calon tunggal Ketua Kampung Jangsak



ANTARA yang hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Jangsak, Mukim Kilanas (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

MUKIM KILANAS, Ahad, 12 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Jangsak, Mukim Kilanas diadakan pagi tadi di Pekarangan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Bolkiah, Kampung Jangsak, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, merangkap Ketua Kampung Putat, Mukim Lumapas; Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku Ketua Kampung Subok, Mukim Kota Batu yang juga Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh; Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; berserta Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Kilanas, juga Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-

pemangku Ketua Kampung Zon Kampong Ayer; Pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Jangsak ialah Muhammad Mu'izwan bin Kamran, berumur 33 tahun dan telah bermastautin di kampung berkenaan sejak tahun 2007.

Beliau mempunyai kelulusan 3 'O' dalam peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Beliau pernah berkhidmat dengan Pasukan Polis Diraja Brunei dan kini bertugas di salah sebuah syarikat swasta di negara ini.

Pada majlis pengundian tersebut, beliau telah mendapat 97 undi di mana 75 undian menyatakan bersetuju dan 22 undian tidak setuju.

Seramai 97 orang penduduk kampung daripada seramai 104

orang yang berdaftar dan layak mengundi hadir mengundi calon untuk mengisi kekosongan jawatan ketua kampung tersebut.

Seramai sembilan orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, manakala 88 orang hadir mengundi menggunakan kaedah kertas undi (*ballot paper*).

Pengundian bagi memilih calon Ketua Kampung menggunakan kaedah pembuangan kertas undi rasmi (*ballot papers*) pada hari ini telah bermula pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Manakala, bagi pengundian menggunakan kaedah dalam talian (*online*) melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah dibuka pendaftaran kepada penduduk Kampung Jangsak pada Khamis, 9 November 2023.

Pengundi-pengundi yang telah disahkan pendaftarannya melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, selaku pengundi yang layak, mula mengundi bermula pada Jumaat, 10 November 2023 dan berakhir pada hari majlis pengundian dan pencalonan berkenaan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Jangsak ini akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung seterusnya akan diadakan pada Jumaat, 17 November 2023 bagi jawatan Ketua Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri di Taman Riadah Bukit Mengkubau, Rancangan Perumahan Negara

Panchor.

Oleh yang demikian, penduduk-penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, serta tinggal bermastautin di kampung berkenaan dan telah berumur 18 tahun ke atas pada tarikh pada tarikh pengundian adalah dialu-alukan untuk mendaftar sebagai pengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK bermula Selasa, 14 November 2023.

Pengundi-pengundi yang telah disahkan pendaftarannya melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK selaku pengundi yang layak boleh mula mengundi bermula Rabu, 15 November 2023 dan undian akan berakhir pada jam 11.00 pagi pada hari Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon

Ketua Kampung tersebut diadakan.

Sementara itu, penduduk-penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara Panchor yang layak untuk mengundi dan belum mendaftar bolehlah hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan pada 17 November 2023.



SUASANA majlis pengundian yang diadakan di Pekarangan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Bolkiah, Kampung Jangsak.

PEMENANG PERTANDINGAN VIDEO PENDEK TERIMA HADIAH



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan semasa menyampaikan *mock cheque* hadiah wang tunai kepada para pemenang (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Matters of Choice dengan video bertajuk 'Vape Trap' dan Syahmi Saiyuddin dengan videonya yang berjudul 'Codename : No Vape' masing-masing membawa pulang BND2,000.

Kedua-duanya merupakan pemenang bagi pertandingan video pendek 'YouthandVape' yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Pertandingan video #YouthandVape ini terbahagi

kepada dua kategori iaitu pertandingan mencipta video pendek dan pertandingan media sosial *share* dan *like* melalui akaun instagram @hpcbrunei.

Tiga pemenang yang terpilih bagi pertandingan *share* dan *like* iaitu video pendek yang memiliki jumlah perkongsian dan *like* yang tertinggi di akaun Instagram Pusat Promosi Kesihatan @hpcbrunei masing-masing menerima BND500.

Pemenang - pemenangnya adalah Haziq Aniq dengan video pendek berjudul 'Sebab Kawan,

Aku Merana', Ar-Rijal Min SMALHB, video pendek bertajuk 'Belia dan Vape', dan Pacimiyan dengan video pendek berjudul 'Biasa Sudah'.

Majlis penyampaian hadiah diadakan petang tadi di Pusat Promosi Kesihatan dan hadir bagi menyampaikan *mock cheque* hadiah wang tunai ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Pertandingan pertama telah dibuka pada 24 Julai sehingga 6 September 2023, manakala

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



pertandingan *share* dan *like* pula telah diadakan dari 23 Oktober hingga 6 November 2023.

Dua pemenang dari pertandingan video pendek utama akan disiarkan di media sosial @hpcbrunei dan di pawagam yang terpilih pada tahun 2024.

Pertandingan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kesan negatif penggunaan rokok elektronik atau *vape* terhadap kesihatan, khususnya dalam kalangan belia.

Kementerian Kesihatan juga

ingin menekankan penggunaan *vape* bukanlah alternatif bagi mereka yang ingin mengurangkan atau berhenti merokok.

Selain itu, ia juga diharap akan dapat menggalakkan para pengguna *vape* untuk berhenti menggunakannya dengan mendapatkan bantuan melalui perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok, yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan di pusat-pusat kesihatan yang berhampiran.

Hentikan tabiat *vaping* dan merokok sebelum terlambat.

Kempen Kebersihan sempena Memperingati Penukaran Nama BSB



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN selaku Pengerusi Kumpulan Petindak (Legal & Enforcement), Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIJK) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan selaku Pengerusi Kumpulan Petindak (Stakeholder's Awareness and Stewardship), JIJK hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyempurnakan pelancaran Kempen Kebersihan tersebut dan seterusnya merasmikan Papan-papan Tanda Menjaga Kebersihan bagi dua lokasi di kawasan berkenaan (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah, Kempen Kebersihan tersebut melibatkan kawasan di sepanjang Tebing Sungai Menglait mulai persekitaran Promenade kawasan Sungai Menglait Gadong sehingga Jambatan Dayang Siti Hamidah (The Mall Gadong) dan kawasan sekitarnya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Dalam memastikan ibu negara, Bandar Seri Begawan (BSB) sentiasa terkawal kebersihannya dan bebas daripada sebarang ancaman pencemaran, Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mengadakan Kempen Kebersihan bersempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-53, Tahun 2023, hari ini.

Kempen Kebersihan tersebut melibatkan kawasan di sepanjang Tebing Sungai Menglait mulai persekitaran Promenade kawasan Sungai Menglait Gadong sehingga Jambatan Dayang Siti Hamidah (The Mall Gadong) dan kawasan sekitarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama bagi menyempurnakan pelancaran Kempen Kebersihan tersebut dan seterusnya merasmikan Papan-papan Tanda Menjaga Kebersihan bagi dua lokasi di kawasan berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan yang juga selaku Pengerusi Kumpulan Petindak (Legal & Enforcement), Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIJK) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin yang juga selaku Pengerusi Kumpulan Petindak (Stakeholder's Awareness and Stewardship), JIJK.

Dalam perkara itu, pemasangan Papan-papan Tanda Menjaga Kebersihan itu akan dilartakan ke tempat-tempat yang telah dikenal pasti di sekitar BSB.

Kempen Kebersihan tersebut turut melibatkan penyelarasan bersama beberapa agensi kerajaan antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) serta pemilik-pemilik bangunan, penyewa-penyewa premis perniagaan di persekitarannya dan pihak sukarelawan NGO terdiri daripada Green Brunei dan Zero Waste Brunei.

Antara aktiviti kempen adalah termasuk membersihkan longkang-longkang, laluan pejalan kaki persekitaran tebing sungai dan kawasan persekitarannya. Pada penghujung Kempen Kebersihan tersebut, jumlah sampah yang dikutip adalah sebanyak 1,103.28 kilogram sampah termasuk tumbuh-tumbuhan.

Adapun kempen diharap akan



menjadi satu kempen kesedaran kepada orang ramai untuk menjadikan kebersihan sebagai tanggungjawab bersama.

Dalam pada itu, ia akan dapat mencapai matlamat dan hasrat

untuk memupuk kesedaran tentang nilai kebersihan dan keperluan mewujudkan persekitaran yang bersih dan cantik di seluruh negara terutama sekali persekitaran ibu negara, BSB.

TINGKATKAN KEFAHAMAN, KESEDARAN DALAM TENAGA KERJA PELANCONGAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan petang tadi memperakui 11 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pengamal industri hospitaliti sebagai ASEAN National Assessors in Front Office.

Train of Trainers for ASEAN National Assessors in Hotel division for Front Office berkenaan telah diadakan dari 6 hingga 11 November 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil yang berlangsung di Mulia Hotel, Berakas berkenaan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Latihan berkenaan adalah untuk membina pemahaman dan kesedaran tentang rangka kerja dan pelaksanaan Pengiktirafan Bersama ASEAN untuk Profesional Pelancongan serta pengiktirafan kemahiran dan kelayakan Profesional Pelancongan dan meningkatkan daya saing tenaga kerja pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Latihan ini juga untuk mempelajari sumber latihan yang direka khusus yang dikenali sebagai *toolboxes*, yang memberi peluang kepada jurulatih dan guru untuk mengemas kini pengetahuan mereka dan memperolehi kemahiran semasa industri 'Front Office', berdasarkan Piawaian Kompetensi Umum ASEAN untuk Profesional Pelancongan (ACCSTP).

Dua Jurulatih Induk ASEAN dan Penilai Induk ASEAN dari Filipina dan Indonesia telah ditugaskan oleh Sekretariat Serantau untuk mengendalikan latihan tersebut.

KSSUP melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan mengiktiraf kepentingan dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada pelawat dan pelancong antarabangsa.

Ini juga selaras dengan objektif pelan strategik Jabatan Pembangunan Pelancongan dan objektif Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia untuk meningkatkan kemahiran dengan kecekapan dan sifat yang betul agar kekal relevan dalam pasaran kerja dan memastikan kebolehpasaran.

Hasil daripada ASEAN National Assessors in Front Office telah memberikan peserta pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berkaitan dalam menilai operasi, serta memastikan pengusaha hotel mematuhi standard kualiti dan perkhidmatan yang tertinggi.

Ia juga adalah dengan aspirasi dalam memartabatkan kualiti profesional pelancongan sebagai barisan hadapan dalam industri perhotelan ke arah meningkatkan kemahiran dan kualiti tenaga buruh pelancongan, khususnya di bahagian hotel untuk *front office* di NBD yang menyediakan perkhidmatan berkualiti cemerlang dan memegang imej orang Brunei yang ramah yang boleh menawarkan para pelancong untuk mendapatkan pengalaman penginapan yang lebih bermakna dan menyenangkan.



SETIAUSAHA Tetap KSSUP semasa bergambar ramai bersama para peserta Train of Trainers for ASEAN National Assessors in Hotel division for Front Office.

جائزتي فرائض ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL TERMAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store and Google play

Membina keluarga harmoni berlandaskan sunnah



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) semasa menyampaikan Jaulah Fiqh Al-Usrah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah melanjutkan pelaksanaan Jaulah Fiqh Al-Usrah hari ini bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertempat di Dewan Teater, Aras 1 JPM berkenaan, di sini.

Jaulah Fiqh Al-Usrah tersebut disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Sementara itu, Jaulah turut diadakan di Dewan Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) bagi pegawai serta kakitangan Kementerian

Pendidikan disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB, Awang Rahman bin Haji Ajak.

Ra'es KUPU SB dalam taklimat jaulahnya menghuraikan beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam usaha bagi pengukuhan keluarga yang harmoni dan sejahtera termasuk kefahaman mengenai asas Aqidah, kerohanian dan afektif dalam memupuk keluarga yang berkat dan mawaddah, matlamat utama dalam pembinaan sesebuah keluarga, aspek diet sunnah dan prinsip asas sunnah dalam membina kehidupan keluarga yang Rahmah serta berkat.

Jaulah tersebut bertemakan 'Pendekatan Pendidikan Kekeluargaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke arah melahirkan keluarga harmoni, Negara Sejahtera', manakala, antara objektifnya diadakan adalah sebagai satu wadah penjelasan tentang ilmu keibubapaan dan pendidikan kekeluargaan dalam konteks Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir serta mengetengahkan pengetahuan berkaitan peranan setiap warga terhadap Pendidikan kekeluargaan, undang-undang keluarga dan cabaran dalam era Teknologi Maklumat (IT).

Melalui jaulah juga diharapkan dapat membarigakan kefahaman mengenai kepentingan menjadikan

institusi masjid sebagai medan tarbiah dari segi mental dan spiritual bagi pembentukan serta pembangunan keluarga yang mesra dan dekat dengan masjid.

Jaulah yang bermula pada hari Rabu lepas akan dilaratkan sehingga 25 November 2023 di beberapa buah kementerian lainnya dan akan disampaikan oleh para akademik KUPU SB.

KUPU SB melalui Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah melanjutkan pelaksanaan Jaulah Fiqh Al-Usrah bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertempat di Dewan Teater, Aras 1 JPM (kanan dan bawah).




**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Jabatan
Pertubuhan-pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri

Jawatan Kosong Di
OIC Department of
Humanitarian Affairs,
Kingdom of Saudi Arabia

JAWATAN
Director
(Humanitarian Affairs) -
OIC Department of
Humanitarian Affairs

Tarikh Tutup :
30 November 2023.

Untuk makluman,
pemohon - pemohon yang
berminat hendaklah
menghadapkan terus
permohonan dan *curriculum
vitae* melalui e-mel :
vacancy@oic-oci.org


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bahagian Khidmat Bakti
Negara [BKBN]

Bilangan Sebut Harga :
11 / OKTOBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 23

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
Bagi Perkhidmatan Penyewaan,
Pemasangan Serta
Penghantaran Alat
Kelengkapan Acara-Acara
Rasmi Program Khidmat Bakti
Negara [PKBN].

Tarikh Tutup :
Khamis,
23 November 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 36

Tajuk Tawaran :
"Maintenance Of Landscape
and Facilities At Seri Kenangan
Beach Recreational Park,
Tutong For A Period Of One (1)
Year Negara Brunei
Darussalam"

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
23 November 2023,
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :
RTB / K / 165 / 23 - 24 :
Perkhidmatan Pembuatan Dan
Pemasangan Backdrop,
Rostrum Dan Lampu Led Untuk
Rancangan Hiburan TV,
Bahagian Rancangan
Televisyen, Radio Televisyen
Brunei.

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :
RTB / K / 166 / 23 - 24 :
Supply, Deliver, Install, Testing
& Commissioning Of Fiber Optic
Termination Along Jalan Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha

Bayaran Yuran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan) (*Hardcopy*)

Tarikh Tutup :
Rabu,
22 November 2023.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Notis Jualan Besi Buruk dan
Barang Guna Habis

Tarikh Mula :
Isnin, 13 November 2023.

Tarikh Melihat, Mengambil dan
Menghantar Borang Tawaran
(waktu bekerja) :
13 November 2023 (Isnin) -
16 November 2023 (Khamis)

Isnin hingga Khamis :
8.30 Pagi - 11.30 Pagi
1.30 Petang - 3.00 Petang

Tarikh Tutup Menghantar
Borang Tawaran Ke Dalam Peti
Tawaran :
Sabtu, 18 November 2023.
Sebelum Jam 9.00 Pagi.
(Membuka Peti Tawaran)

Keterangan :
2 Buah Porto Cabin.

1 Lot Bermacam-Macam Jenis
Besi Buruk Terpakai (Peralatan
Elektrik, Peralatan Mesin,
Peralatan Perabot dan
Besi-Besian).

1 Lot Bermacam-Macam Jenis
Saiz dan jenama Bateri
Terpakai.

1 Lot Tangki dan Peralatan
Stesen Minyak.

Tempat :
Kawasan Tempat Penyimpanan
Besi Buruk Kerajaan,
JKR Sinarubai.


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran :
JPH / 1102-002 / TAW / 376 /
2023-2024

Membekal Anak Benih Hutan
Bagi Projek Penghijauan di Zon
A, Hutan Simpan Arboretum.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 28 November 2023.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdafar Di Dalam

Kelas :
III sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRC 15 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Menaik Taraf dan
Membina Kawasan Letak Kereta
Bagi Masjid Pengiran Muda
Abdul Malik,
Kampung Tungku / Katok

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran :
PJB / 3003 / T / 08 / TK2023-2024

Tawaran Bagi Penyewaan
Penempatan Vending Machine
Di Dalam Bangunan Ibu
Pejabat Jabatan Buruh Bagi
Tempoh Selama 2-Tahun
(24 Bulan).



Tarikh Tutup :
21 November 2023,
Jam 2.00 Petang.

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN
KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / B /
2023-2024 (1)
Kerja-Kerja Pemasangan Sewa
Pentas (Platform) Dan Kem
Sempena Upacara Pembukaan
Tahun Undang-Undang 2024,
Bangunan Mahkamah Tinggi
Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Isnin, 20 November 2023 Jam
9.30 Pagi Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah

2. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A /
2023-2024 (7) Kerja-Kerja
Mengecat Dewan Serbaguna
Bangunan Mahkamah Besar
Brunei dan Mahkamah-
Mahkamah Syariah,
Bandar Seri Begawan

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Isnin, 20 November 2023 Jam
2.30 Petang Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah

3. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A /
2023-2024 (6)
Kerja-Kerja Pembekalan,
Penghantaran dan Pemasangan
Papan Tanda Di Bangunan
Mahkamah Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah,
Bandar Seri Begawan

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Selasa, 21 November 2023 Jam
9.30 Pagi Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah

4. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A /
2023-2024 (5)
To Repair, Service and Refill Of
the Existing Fire Extinguisher
Cylinder At Supreme Court
- Syariah Courts Building,
Brunei Darussalam

Sesi Penerangan (Information

Session) Akan Diadakan Pada
Selasa, 21 November 2023 Jam
9.30 Pagi Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah

5. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / D /
2023-2024 (5)
General Repair Work At Tutong
Courts, Bandar Seri Begawan.

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Sabtu, 25 November 2023 Jam
9.00 Pagi Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah-Mahkamah
Daerah Tutong

6. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / D /
2023-2024 (6)
to Supply, Delivery and
Installation Of New Led
Tubelight Fittings At Tutong,
Brunei Darussalam,
Bandar Seri Begawan

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Sabtu, 25 November 2023 Jam
2.30 Petang Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah-Mahkamah

Daerah Tutong

7. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / A /
2023-2024 (4)
Membekal, Menghantar dan
Memasang Karpas Jubin
Di Bangunan Mahkamah Besar
Brunei dan Mahkamah-
Mahkamah Syariah

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Rabu, 22 November 2023 Jam
9.30 Pagi Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah Besar Brunei dan
Mahkamah-Mahkamah Syariah

8. Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / B /
2023-2024 (1)
Membekal, Menghantar dan
Memasang Karpas Jubin
di Bangunan Mahkamah
Tinggi-Mahkamah Besar

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Rabu, 22 November 2023 Jam
2.30 Petang Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Mahkamah Tinggi-Mahkamah
Besar

9. Bilangan Sebut Harga :

JKN / BPEA / SH / C /
2023-2024 (3)
Membekal, Menghantar dan
Memasang Karpas Jubin
Di Bangunan Undang-Undang
dan Mahkamah-Mahkamah

Sesi Penerangan (Information
Session) Akan Diadakan Pada
Rabu, 22 November 2023 Jam
3.30 Petang Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi Bangunan
Undang-Undang dan
Mahkamah-Mahkamah

Tarikh Buka Sebut Harga :
Isnin, 13 November 2023.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
28 November 2023.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran :
(166) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Supply and Install Fencing At
Playground Area, National
Stadium Hassanal Bolkiah

2. Bilangan Tawaran :
(167) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
Youth Centre, Temburong

3. Bilangan Tawaran :
(168) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
Sungai Kebun Sports Complex

4. Bilangan Tawaran :
(169) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
Stadium Negara Hassanal
Bolkiah

5. Bilangan Tawaran :
(170) JBS / ADM / QC / 2023

Tajuk Tawaran :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
Track and Field, HBNSC

6. Bilangan Tawaran :
(171) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :

Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
1) Anggerek Desa Flat
(Block C2 & C3)
2) Anggerek Desa Swimming
Pool
3) Unit Kenderaan,
Jabatan Belia dan Sukan

7. Bilangan Tawaran :
(173) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Mechanical and Electrical Term
Maintenance For A Period Of
Twenty Four (24) Months For
Games Village and Marching
Field (Padang Kawad)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis, 30 November 2023

8. Bilangan Tawaran :
(172) JBS / ADM / QC / 2023

Keterangan :
Penyediaan & Pembekalan
Makan Dan Minum Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari
Kebangsaan Yang Ke-40,
Tahun 2024
Negara Brunei Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis, 7 Disember 2023.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 13 / 2023

Nama Projek :
Pengurusan Pemeliharaan
Berintegrasi Bagi
Jalan-Jalan Zon 4,
Daerah Brunei Muara.

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :-

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :**
25 Oktober 2023.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat Selasa,
14 November 2023.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV / V

Kategori :
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
21 November 2023.

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 Disember 2023.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 31 /
2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian
Bagi Sistem Hawa Dingin
Di Bangunan
Muzium Maritim Brunei
Darussalam

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
B01
Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 28 / CQS / 2023 -
T/IV

Nama Projek :
Pembinaan Dinding
Penahan dan Menaik
Taraf Longkang
Di Simpang 396
Kg. Sg. Akar

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
21 November 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 November 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)




**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

**UNISSA / LTK / MMKK / SNT /
02TAHUN / 2024-2025 :**

Tawaran Perkhidmatan
Penyediaan dan Penyajian
Makanan dan Minuman Kolej
Kediaman Kampus Sinaut
Tutong Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) Bagi
Tempoh Dua (02) Tahun

Tawaran hendaklah
dikembalikan tidak lewat
Selasa, 21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.
Tawaran yang lewat dihantar
tidak akan diterima.


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0040 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Supply and Delivery Of
Chemical and Reagents For
Detection Of Aquatic Animal
Diseases

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0041 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
To Supply and Delivery
Of Water Parameter
Sensor Devices and
Replenishment Reagents
For Aquaculture Industry
Division (AQID),
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0042 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Delivery and Install
Of L-Shape Workstation
Partition At Administration
and Finance Section

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat pada Khamis,
23 November 2023.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / PDP / 069 / 2023

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Kereta Bagi
Menjalankan Tugas Operasi
Selama (24) Dua Puluh Empat
Bulan (Recall) Cable

Harga Dokumen :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 Disember 2023.
Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga :
ANS / 2023 / SH-08

To Supply Beacon Procedure
For All Emergency Beacons

Tarikh Tutup :
22 November 2023 (Rabu)

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga,
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat,
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam.


**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran :
'The Supply, Delivery and
Testing Of Long-Range Portable
Case Of Very High Frequency
Transceiver At Department Of
Civil Aviation'
ATELS / 2023 / SH-21

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Rabu, 8 November 2023.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga :**
Selasa, 21 November 2023.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 22 November 2023.
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam.


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga :
29 / DBP / SH / 2023-2024

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan Mesin dan
Peralatan Unit Pemuliharaan,
Bahagian Perpustakaan Dewan
Bahasa dan Pustaka,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Yuran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
21 November 2023.


**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
(5) NDMC / TSH / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Kontrak Satu (1) Tahun Bagi
Perkhidmatan Penyelenggaraan
Pest Control and Rodent Di
Pusat Pengurusan Bencana
Kebangsaan, Lapangan
Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
(6) NDMC / TSH / 2023-2024

Tajuk Tawaran :
Perkhidmatan Pembekalan
Alat Ganti Baharu Serta
Pemasangan Bagi
Kenderaan Mondeo 2.3
Pusat Pengurusan Bencana
Kebangsaan.

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran.

Tarikh Tutup :
Selasa,
21 November 2023.
Jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Keterangan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 10 /
2022-2023[R]

Tajuk Sebut Harga :
The Supply, Delivery,
Installation, Testing and
Commissioning Of Wireless
Access Points For Ministry Of
Primary Resources and Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
30 November 2023,
Khamis,
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0036 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Technical Service For
Calibration Of Laboratory
Equipment In Compliance to
ISO / IEC 17025 Standard

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0037 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Technical Service, Preventive
Maintenance and Calibration
For Hach DR 3900
Spectrophotometer In
Accordance to Manufacturing
Specification

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0038 / 2023

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation,
Testing and Commissioning Of
Water Quality Laboratory
Apparatus

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0039 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
Supply and Delivery Raw
Sea Water Pump and
Sand Pump Complete Assembly
For Keramat, Tutong Pump Station

Tarikh Tutup :
Khamis, 23 November 2023.
Jam 2.00 Petang.


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
(95) INFO / PK / K / 7 (2023-2024)

Tajuk Sebut Harga :
Mencetak Sijil
dan Back Cover Sijil

Yuran :
Tidak dikenakan bayaran

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 November 2023.
Jam 8.30 Pagi.



IMBASAN MINGGUAN

SALAH seorang yang membuat persembahan ketika Program Brunei Bersama Palestin yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas anjuran Belia Masjid Senegara (BMSN) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

ORANG ramai ketika beriadah sempena Festival Keluarga Harmoni bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Negara Brunei Darussalam Kali Ke-11. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ORANG ramai membanjiri BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, di ibu negara bagi menyertai 'Steps for Solidarity : A Fundraising Peace Walk for the Palestinian Humanitarian Fund'. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



BEBERAPA orang murid Sekolah Rendah Pulaie yang gembira menjunjung Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ketika itu juga berkumpul untuk makan tengah hari. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Larian Amal 'Anak Adalah Anugerah' sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia, Tahun 2023 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara anjuran Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama SMARTER Brunei. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

PEMENANG PERADUAN MELUKIS POSTER TERIMA HADIAH



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Awang Mohammad Akmal Darwisy bin Kamaluddin dari Ma'had Islam Brunei diumumkan juara bagi Kategori Sekolah Menengah Atas sementara pelajar Sekolah Seri Mulia Sarjana, Tiong Ing Hoe dinobatkan sebagai juara Kategori Sekolah Menengah Bawah Peraduan Melukis Poster bersempena dengan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2023, hari ini.

Pada Majlis Penyampaian Hadiah yang berlangsung di London Hall, Airport Mall, Berakas juga diumumkan Dayang Nur Aina Mutawakilah binti Bobby Rahim dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Dayang Diba Nafisha binti Muhammad Azliny dari Sekolah Menengah Rimba 1 memenangi tempat kedua dan ketiga bagi Kategori Sekolah Menengah Atas tersebut.

Naib juara bagi Kategori Sekolah Menengah Bawah pula ialah pelajar Ma'had Islam Brunei, Dayang Haifa Firzanah binti Lauraaffiezan@Mohd Azizan diikuti Dayang Nur Qisya binti Haji Aminuddin dari Sekolah Menengah Menglait di tempat ketiga.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Dato Paduka Mohd. Zalani bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa BKN sebagai agensi peneraju dalam memberantas penyalahgunaan

dadah mengutamakan pendidikan pencegahan dadah bagi memastikan masyarakat kita mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi dalam bahaya ancaman dadah dan turut terlibat dalam melaksanakan usaha-usaha pendidikan pencegahan yang komprehensif.

Melalui Divisyen Pendidikan Pencegahan Dadah, katanya, BKN telah melaksanakan program-program pendidikan pencegahan dadah di semua peringkat sekolah di Negara Brunei Darussalam yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan penuntut mengenai bahaya dadah, termasuk penuntut-penuntut di sekolah kerajaan dan sekolah swasta.

Di samping itu, tambahnya, adalah juga menjadi harapan BKN agar guru-guru peka dengan isu gejala sosial di negara ini termasuk isu penyalahgunaan dadah dan seterusnya menjadi contoh teladan kepada moral akhlak yang baik di samping terus memupuk sikap dan amalan yang baik dalam kalangan penuntut agar mereka akan dapat mengamalkan gaya hidup yang sihat.

"Dalam usaha untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian agar ia bersesuaian dengan kumpulan sasaran dan situasi semasa, peraduan seumpama ini diadakan bagi memberikan peluang kepada pelajar-pelajar menggunakan ekspresi artistik untuk memberikan inspirasi kepada mereka dalam membuat pilihan yang positif dalam menerokai kepentingan gaya hidup bebas dari dadah dan yakin dalam membuat keputusan," ujarnya.

Dengan kerjasama bersama

Kementerian Pendidikan, BKN akan terus merangka pelbagai aktiviti untuk memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai bahaya dadah dan menerokai kaedah pendekatan bagi penyerapan maklumat pendidikan pencegahan dadah dalam kurikulum pembelajaran atau melalui penerbitan buku pendidikan pencegahan dadah sebagai panduan pencegahan pada peringkat awal.

Menurut Dato Paduka Mohd. Zalani, majlis pada hari tersebut merupakan salah satu hasil kerjasama antara BKN dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan sebagai usaha dalam mempelbagaikan lagi program pendidikan pencegahan dadah.

Pelajar pada masa ini tegasnya, adalah masa depan negara dan akan menjadi penyambung legasi kepimpinan dan transformasi

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa bergambar ramai bersama para penerima pada majlis tersebut (atas kiri). Sementara gambar atas, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan semasa menyaksikan poster-poster yang dipamerkan pada majlis tersebut.

negara.

"Oleh itu, saya yakin kerjasama yang diunkayahkan seperti ini akan mendorong para pelajar untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang bermanfaat termasuklah dalam program-program pendidikan pencegahan dadah dan mampu menolak apa jua pengaruh-pengaruh negatif dan seterusnya insyaaAllah, negara kita akan dapat menghasilkan generasi yang berdaya maju, kreatif, inovatif dan berkarismatik.

"Bersempena Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram Tahun 2023, marilah kita berganding bahu dalam

melindungi pelajar-pelajar di negara ini daripada ancaman dadah agar dapat menjadi generasi yang berdaya saing serta berjaya dalam kehidupan," katanya lagi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Kokurikulum, pengetua dan guru-guru sekolah yang memenangi peraduan tersebut.

Aktiviti tersebut difokuskan kepada belia remaja dan bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada golongan remaja agar yakin membuat pilihan yang positif dengan berkarya melalui lukisan. Dalam pada masa yang sama, untuk memberikan kesedaran dan pemahaman tentang bahaya penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

HALUAN

Permintaan tenaga kerja AHP meningkat

>> Muka 2

Kementerian Kesihatan juga komited dalam menyokong usaha AHP untuk menjadi tenaga kerja yang mempunyai pengkhususan yang tinggi melalui latihan klinikal. Sejak 2013, terdapat 26 AHP yang dianugerahkan dengan latihan lepasan ijazah dalam perkhidmatan untuk bidang masing-masing. Untuk terus memupuk budaya peningkatan berterusan dan pertukaran pengetahuan, jawatankuasa latihan dan pembangunan AHP kekal aktif dalam memudahkan penglibatan pakar-pakar antarabangsa untuk memperkayakan tenaga kerja AHP Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini, kami diberi keistimewaan untuk menganjurkan bengkel terapi tingkah laku kognitif yang dijalankan oleh CBT Australia, satu contoh komitmen berterusan kami untuk menyediakan para AHP dengan alat-alat dan kemahiran yang diperlukan untuk cemerlang dalam peranan mereka. Pendekatan kerjasama dan inisiatif latihan yang berterusan ini, menekankan tekad kementerian untuk memperkasakan para AHP kami untuk menawarkan penjagaan dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada rakyat yang kami berkhidmat.

Kementerian Kesihatan dengan ini menyampaikan pengiktirafan ikhlas dan penghargaan yang mendalam atas peranan penting yang digalas oleh Profesional Kesihatan Bersekutu dalam sistem penjagaan kesihatan. Oleh itu, skim perkhidmatan Profesional Kesihatan Bersekutu telah diberi keutamaan dan ia termasuk dalam salah satu projek inisiatif strategik kementerian. Skim ini dicadangkan dan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan terlibat secara aktif dalam perbincangan dua hala dengan pihak berkepentingan utama dan adalah

menjadi harapan kami agar skim ini membuahkan hasil, dengan itu meningkatkan pengoptimuman tenaga kerja, memudahkan kemajuan kerjaya, dan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada para profesional yang berdedikasi ini. Pengiktirafan seperti ini berfungsi sebagai elemen kritikal dalam memupuk pengkalan dan merangsang permintaan untuk generasi belia untuk mempertimbangkan mengejar profesion kesihatan bersekutu sebagai kerjaya mereka.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa Simposium Profesion Kesihatan Bersekutu 2023 atas usaha hebat mereka dalam menganjurkan simposium yang menarik dan bermaklumat hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih secara peribadi kepada semua AHP, mengiktiraf dan memuji sumbangan penting mereka dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada sistem penjagaan kesihatan dalam meningkatkan kehidupan ramai pesakit sepanjang hayat setiap hari. Diharapkan simposium ini, melalui pertukaran idea dan pengalaman, memberi ruang kepada AHP untuk bermuhasabah diri dan memberi inspirasi antara satu sama lain untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang kita sediakan. Semoga usaha awda yang dermawan, ihsan dan murni diberkati Allah Subhanahu Wata'ala Aamiin, Aamiin, Aamiin, Ya Rabbal 'alamiin.


Akhir kata, dengan selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya mengisytiharkan 'Simposium Profesion Kesihatan Bersekutu 2023' dibuka.

Wabillahit Taufeq Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Perkukuh penghayatan prinsip Maqasid Syariah



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu khas pada taklimat berkenaan (kiri dan kanan).

KUALA BELAIT, Sabtu, 11 November. - Usaha membarigakan pengukuhan Maqasid Syariah dalam pengurusan dan pentadbiran diteruskan lagi dengan melaksanakan sesi taklimat kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Belait yang bertempat di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Belait, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu khas bagi sesi taklimat berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md Salleh. Taklimat disampaikan oleh Dekan Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin



Haji Aliakbar.

Seramai 46 peserta terdiri daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi daerah tersebut telah menghadiri taklimat berkenaan. Pembarigakan tersebut diadakan dalam bentuk taklimat yang mana tujuannya ialah untuk memberikan pendedahan dan kefahaman awal

prinsip Maqasid Syariah.

Selain itu, taklimat turut bertujuan untuk mengetara dan mengukuhkan pelaksanaan prinsip Maqasid Syariah dalam sistem pengurusan dan pentadbiran organisasi, di samping memupuk kesedaran dan penghayatan prinsip Maqasid Syariah dalam kehidupan beragama, beraja dan bernegara ke arah menjamin

Siaran Akbar dan Foto:
Kementerian Hal Ehwal
Ugama



DEKAN Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa menyampaikan taklimat.

kesejahteraan dan keselamatan sosial serta kestabilan negara.

Pembarigakan Pengukuhan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam merupakan kesinambungan pelaksanaan Projek Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama yang digariskan dalam Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2020 - 2024.

GRADUAN CILIK TASKA YSHHB DIRAIKAN

PENGERUSI Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah YSHHB, Dayang Hajah Suciati binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan hadiah dan sijil-sijil Akademik kepada penerima (kanan dan kanan sekali).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Seramai 146 graduan-graduan cilik Taman Asuhan Tiga bagi tahun 2023 telah berjaya menamatkan pembelajaran Program Pendidikan Awal Kanak-kanak selama tiga tahun di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Sehubungan itu, Majlis Mini Konvokesyen Kali Ke-25, Penyampaian Hadiah dan Sijil Akademik Serta Mini Konsert Taman Asuhan 3 telah diadakan di Dewan TASKA YSHHB, pagi tadi.

Penyampaian hadiah dan sijil-sijil Akademik disempurnakan oleh

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah YSHHB, Dayang Hajah Suciati binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat.

Penganugerahan sijil pencapaian murid-murid telah dinilai mengikut sistem penilaian berterusan dan memfokuskan kepada penilaian kemahiran membaca mengikut skim TASKA sama ada secara fizikal mahupun dalam talian (secara hibrid).

Terlebih dahulu acara dimulakan

dengan bacaan surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Awang Muhammad Nazmi bin Haji Puasa dan diikuti dengan perarakan masuk para graduan serta ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua TASKA YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi.

Majlis diserikan dengan mini konsert Taman Asuhan Tiga yang dipersembahkan oleh murid-murid Taman Asuhan Tiga dengan tema 'Kenangan bersama di TASKA'.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Persembahan-persembahan tersebut dipersembahkan dalam empat bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Mandarin serta persembahan gulintangan yang mengiringi persembahan kelas masing-masing.

Majlis seumpamanya diadakan dapat memberi pendedahan

kepada murid-murid TASKA untuk meningkatkan keyakinan diri masing-masing apabila berada di atas pentas dan berhadapan dengan orang ramai selain memberi penghargaan kepada murid-murid di atas usaha dan kegigihan mereka dari aspek akademik secara keseluruhan (holistik).

سورھنجاي ٲرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "..." pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Bekerja juga satu ibadah

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

AGAMA Islam sangat menggalakkan umatnya bekerja mencari rezeki. Dalam masa yang sama, agama Islam melarang umatnya dari bersikap malas, mengemis dan meminta-minta kepada orang lain sedangkan ia masih bertenaga, berupaya dan mampu untuk bekerja. Pekerjaan bukanlah hanya bekerja semata-mata tetapi ia juga dianggap sebagai satu ibadah jika kita lakukan dengan niat dan tulus ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala agar dapat memenuhi keperluan hidup dengan secukupnya. Jika kita bersungguh-sungguh bekerja dan mencari rezeki kerana Allah, insyaaAllah akan beroleh pahala yang besar dari-Nya.

Jangan pandang remeh pada pekerjaan

Agama Islam juga mengajar kita sebagai umat-Nya agar sentiasa mengamalkan budaya kerja yang cemerlang berdasarkan iman dan akhlak. Bekerja itu bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara malahan ia merupakan amanah Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita memandang remeh akan sesuatu pekerjaan. Jangan juga kita bekerja sambil lewa, curi tulang dan menggunakan peralatan pejabat untuk kepentingan peribadi. Itu adalah satu perbuatan yang salah. Solat pada waktu bekerja juga penting dan jangan kita melalaikan masa untuk solat dan diisi dengan berbual kosong bersama rakan-rakan sekerja.

Memetik dari Khutbah Jumaat pada 6 Oktober 2023, "Ibadah bukan hanya setakat mendirikan sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Sebagai seorang Muslim kita hendaklah menjadikan seluruh kehidupan sebagai ibadah. Apa yang kita kerjakan setiap hari seperti bekerja mencari rezeki adalah dikira ibadah dengan syarat niat

bekerja hanyalah kerana Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. Pekerjaan dan cara bekerja juga mestilah menepati syarak ataupun selari dan tidak bercanggah dengan hukum syarak".

Niat merupakan asas penting

Kita harus tahu bahawa matlamat utama kita bekerja adalah mencari nafkah untuk diri sendiri, keluarga dan seumpamanya. Malah bekerja adalah satu kewajipan yang mendapat ganjaran pahala dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala selain menerima upah atau gaji daripada majikan. Niat merupakan asas yang penting untuk menjadikan sesuatu amalan sebagai ibadah. Begitu juga dengan niat kerja kerana Allah Subhanahu Wata'ala yang sangat penting untuk kita kerana ia boleh mencetuskan rasa ikhlas dalam diri kita.

Sifat amanah perlu ada dalam bekerja

Perkara yang paling penting yang perlu ada pada setiap pekerja dalam menjalankan tugas adalah sifat amanah. Ia perlu diterapkan dan dipraktikkan oleh individu yang bekerja bagi memastikan setiap pekerjaan yang dilakukan menepati kualiti yang diharapkan. Inilah ciri dan sifat pekerja Muslim yang sebenar. Sebaliknya mengabaikan amanah dalam bekerja adalah suatu pengkhianatan sepertimana larangan keras oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Anfal, ayat 27, tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui".

Dalam ayat ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberi peringatan kepada hamba-Nya yang beriman supaya tidak

mengkhianati amanah yang telah diberikan kerana kesannya sangat besar. Ingatlah, bahawa kepercayaan yang diberikan kepada kita akan dipersoalkan dan mengkhianati amanah adalah salah satu ciri munafik dalam amalan.

Jika kita menjaga amanah yang diberikan, ia akan mendorong individu melakukan sesuatu kerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh. Dia akan mencurahkan seluruh masa, tenaga dan pemikirannya untuk memperoleh hasil kerja yang lebih berkualiti. Segala tuntutan kerja akan dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan dedikasi malah kita akan dihormati dan dikenali sebagai Muslim yang baik.

Dalam menjaga amanah, beberapa perkara perlu kita titik beratkan seperti menjaga waktu bekerja, ikhlas dalam memberi pandangan, tidak terjebak pada penyelewengan seperti rasuah, pecah amanah dan juga penyalahgunaan kuasa. Kita hendaklah melakukan pekerjaan dengan sebaik mungkin, menggunakan seluruh keupayaan diri, potensi dan kepakaran yang dimiliki dalam melaksanakan tugas yang diberikan tanpa sebarang pengabaian dan penyelewengan.

Ekosistem pekerjaan yang baik

Dalam ekosistem pekerjaan, ada persekitaran kerja yang baik dan ada juga yang toksik. Persekitaran kerja yang baik boleh melahirkan pekerja yang berdedikasi, bermotivasi, bersepadu dan produktif. Berbanding dengan persekitaran kerja yang toksik akan memberi suasana kerja yang negatif, kurang bermotivasi dan ini membuatkan seseorang itu hilang rasa gembira apabila bekerja. Situasi seperti inilah yang menyebabkan ada di antara pekerja yang mengalami kemurungan dan stress akibat tekanan dari tempat bekerja. Oleh

sebab itu, pentingnya membentuk ekosistem kerja yang baik agar selari dengan tuntutan Islam di samping dapat mengubah dengan menjadikan kerja itu sebagai satu ibadah.

Setiap orang mesti mempunyai pekerjaan. Dengan bekerja, kita boleh menyokong diri dan keluarga kita. Memang benar rezeki telah dijamin oleh Allah Subhanahu Wata'ala tetapi itu tidak bermakna kita hanya perlu berdiam diri tanpa sebarang usaha. Ia telah menjadi rutin bagi kita setiap hari untuk mempersiapkan diri untuk bekerja. Mulai dari mandi, bersarapan, dan sebagainya. Namun, berapa ramai yang mengingat Allah Subhanahu Wata'ala sebelum pergi bekerja? Betapa bersungguh-sungguh kita mencari wang hingga kita lupa mengingat dan berdoa kepada-Nya agar diberi kemudahan dalam bekerja.

Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala sebelum memulakan pekerjaan

Oleh sebab itu, sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman, jangan sesekali kita lupa mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dalam apa jua pekerjaan yang kita lakukan. Kalau kita boleh bangun awal untuk pergi bekerja dan takut dimarahi oleh pihak atasan sekiranya terlewat, mengapa kita tidak merasa demikian terhadap Allah Subhanahu Wata'ala. Maka, bangunlah awal untuk menunaikan kewajipan terhadap Allah Subhanahu Wata'ala terlebih dahulu sebelum memulakan pekerjaan kita.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita bermuhasabah dan istiqamah pada niat seawal melangkah keluar dari rumah bahawa semua kerja yang dilaksanakan adalah kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan setiap pergerakan dari mula hingga pulang ke rumah dikira sebagai ibadah dan rezeki yang diterima penuh dengan keberkatan.





Prihatin golongan kurang berkemampuan

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan WeCare

PERSATUAN Kami Prihatin yang juga dikenali sebagai 'WeCare' merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Negara Brunei Darussalam. Persatuan ini memperkenalkan projek 'Berkat Box' iaitu projek acara mingguan yang bertujuan menyediakan pek kotak makanan yang diagihkan kepada penduduk yang kurang berkemampuan pada setiap malam Khamis selepas Sembahyang Fardu Isyak di masjid yang terpilih.

Antara objektif 'Berkat Box' adalah bagi menyediakan pek makanan kepada golongan yang kurang berkemampuan dan jemaah masjid yang menunaikan sembahyang berjemaah di masjid terpilih, di samping itu ia juga untuk menarik lebih ramai orang mengunungi masjid sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat masjid. Selain dari itu, ia juga bagi menyokong perniagaan tempatan.

Berkat Box

'Berkat Box 1.0' telah mula dilancarkan pada 21 Januari 2021. Untuk projek ini, WeCare telah memilih Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata, di mana kira-kira 80 hingga 100 pek makanan telah diagihkan pada setiap minggu kepada mereka yang kurang berkemampuan dan jemaah masjid yang hadir. WeCare bekerjasama dengan Restoran Ayamlepas dalam membekalkan hidangan sedia (pek makanan), manakala

Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata akan mengenal pasti keluarga yang kurang berkemampuan dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid pula bagi pelaksanaan pengagihan pek berkenaan. Berkat Box 1.0 dijalankan selama beberapa minggu sebelum dihentikan pada bulan Ogos 2021 berikutan penularan gelombang kedua COVID-19 yang melanda Brunei pada ketika itu.

Setelah itu, Berkat Box 2.0 kembali lagi pada tahun 2023 dengan tujuan untuk mengagihkan pek makanan ke masjid yang berbeza. Pada bulan Oktober yang lalu, WeCare mengedarkan pek makanan ke Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong. Sebanyak 900 pek makanan telah berjaya diagihkan pada bulan yang lalu. Bagi bulan November ini pula, WeCare akan menjelajahi ke daerah lain khususnya di Daerah Belait iaitu di Masjid Zainab, Kampung Lumut. Sehingga minggu ini sahaja, persatuan berkenaan telah mengedarkan 150 pek makanan secara keseluruhan.

Pengenalan WeCare

Sejak pertama kali ditubuhkan pada Oktober 2016 di bawah Pendaftar Pertubuhan Negara Brunei Darussalam [Akta Pertubuhan menurut ceraian (3) Bab 8 dari Akta Pertubuhan (Penggagal 203)], penubuhan persatuan ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kemanusiaan tempatan dan antarabangsa kepada mereka yang memerlukan. Bersama 33 ahli yang berdaftar, sukarelawan dan sokongan awam,

WeCare telah berjaya menjalankan pelbagai projek dan acara kerjasama tempatan dan antarabangsa untuk mencapai matlamat bersama.

Menjelang tahun 2025, WeCare berhasrat untuk menjadi NGO terkemuka di Negara Brunei Darussalam. Dengan visi, memberi usaha bantuan dan bantuan kepada mangsa isu kemanusiaan dan misi, menjadi NGO yang dipercayai untuk kutipan dan pengagihan dana yang berkesan dalam membantu mangsa isu kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa; dan Berusaha untuk menyebarkan kesedaran dan menanamkan empati orang ramai terhadap isu kemanusiaan.

Projek WeCare

Persatuan ini begitu aktif mengendalikan pelbagai projek yang berkebajikan dan mengadakan beberapa acara amal bagi mengutip sumbangan dan juga menyediakan bantuan kemanusiaan di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Sejak 2016, lebih 20 ribu keluarga telah dibantu menerusi Projek Kemanusiaan dan lebih 30 projek telah dilaksanakan, yang mana pelaksanaan merentasi enam buah negara.

Antara projek bantuan kemanusiaan yang dikendalikan dalam negara iaitu pada tahun 2021 persatuan ini telah mengendalikan Majlis Qurban, Berkat Box, Ramadan Relief 4.0, B4B : COVID-19 Relief Fasa 3 dan 4, Brunei Peduli Palestine 2.0 dan Majlis Kesyukuran dan Forum Khas Sempena 5 Tahun WeCare. Pada tahun 2022, B4B : COVID-19 Fasa 5, Ramadan Relief 5.0,

Sumbangan bagi Mangsa Kebakaran, Program Khatam Al-Quran, Infaq Ramadan, Hari Raya YSHHB, WeCare Raya Celebration, Maritah Berqurban dan WeCare Volunteer Day out.

Manakala projek bantuan kemanusiaan di peringkat antarabangsa pula iaitu Palestine Emergency Relief pada tahun 2021; Banjir Malaysia, Syrian Warm Winter, Brunei4Gaza - 'Pek Makanan' dan 'Juadah Berbuka', 'WeRaya With You' pada tahun 2022; dan pada tahun ini, Morocco Emergency Relief dan Palestine Emergency Relief.

Sukarelawan WeCare

Dalam pada itu, WeCare menawarkan kerja sukarela dari segi membantu dengan bantuan kecemasan, pengumpulan dana untuk tempatan dan antarabangsa serta meningkatkan kesedaran tentang isu kemanusiaan. Sukarelawan mungkin terlibat dalam menyediakan makanan, membantu dalam pengagihan pek makanan kepada individu yang kurang berkemampuan, keluarga, anak yatim, serta memberikan bantuan dan sumbangan dalam bantuan kecemasan. Persatuan ini juga menerima sukarelawan yang berumur antara 15-35 tahun.

Bagi sebarang pertanyaan dan berkeinginan untuk menjadi sukarelawan atau ingin menghulurkan sumbangan boleh menghubungi di talian hotline WeCare +673 8328316 dan +673 8328319; atau layari laman media sosial menerusi Instagram, *WeCare.bn* dan emel *wecare.bn@gmail.com*.



TIMBA ILMU, ASAH KEMAHIRAN FOTOGRAFI



Berita dan Foto :
Pg. Syl'aruddin Pg. Dauddin



SERAMAI 35 peserta mengikuti Bengkel Fotografi bersempena Sambutan Bulan Bahasa 2023 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas (kiri). Sementara gambar kanan, Awang Haji Mohamad Haranadi bin Haji Buntar selaku pembimbing bengkel tersebut.

BERAKAS, Sabtu, 11 November. - Seramai 35 peserta telah mengikuti Bengkel Fotografi bersempena Sambutan Bulan Bahasa 2023 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan yang diadakan selama lima hari bermula hari ini yang berlangsung di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini. Hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan selaku Pengerusi Majlis pada majlis pembukaan kursus berkenaan ialah Ketua Bahagian

Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit. Dayang Hajah Haireni dalam ucapannya menjelaskan bengkel yang diunkayahkan tersebut merupakan satu lagi upaya dan tindakan jabatan dalam meningkatkan kemahiran masyarakat khususnya dalam bidang fotografi. "Bengkel ini dihasratkan akan mampu melahirkan jurugambar-jurugambar yang berpotensi dan kompeten dalam menghasilkan gambar-gambar yang berkualiti

dan bernilai tinggi. "Alhamdulillah, Bengkel Fotografi yang dibukakan penyertaannya bermula pada bulan September yang lalu telah mendapat sambutan yang luar jangkaan. Majoriti penyertaan adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian serta jabatan kerajaan. "InsyaAllah, bengkel yang dilaksanakan selama lima hari ini akan menjadi medan, bagi para jurugambar untuk menimba dan mengasah kemahiran serta mendalami ilmu fotografi dengan bimbingan daripada Awang Haji Mohamad Haranadi bin Haji Buntar, yang sememangnya memiliki kepakaran dan berpengetahuan luas dalam bidang fotografi," jelas Ketua Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan lagi.

Turut diadakan semasa bengkel itu nanti ialah Pertandingan Fotografi Kreatif yang khusus dibukakan kepada peserta-peserta bengkel. Setiap peserta akan diberikan tugas oleh pembimbing bengkel untuk mengambil satu gambar yang

terbaik untuk dipertandingkan. Peserta yang dapat menghasilkan gambar yang terbaik dan bernilai tinggi akan diangkat sebagai pemenang pertama, kedua dan ketiga. Setiap pemenang akan menerima hadiah wang tunai dan sijil penghargaan. Bengkel antara lain bertujuan untuk memberikan bimbingan dan meningkatkan kemahiran serta kepakaran dalam bidang fotografi; membarigakan peranan DBP sebagai sebuah agensi kerajaan yang menyalurkan pelbagai ilmu pengetahuan termasuklah bidang seni fotografi;

melahirkan dan mengangkat karya-karya foto yang terbaik dan berkualiti; mengekspresikan dan memvariasikan kreativiti masyarakat melalui seni fotografi seterusnya menjadi suatu sumber pendapatan yang dapat menjana kepada kemajuan sosioekonomi negara. Bengkel ini akan mencakupi bimbingan serta penerangan, perbincangan dan latihan. Antara pengisian bengkel ialah Pengenalan; Asas Fotografi; Latihan Praktikal; Teknik Penyuntingan; dan Sesi Pembentangan.



ANTARA yang menyertai bengkel tersebut.

MoU Perbadanan TAIB, DST terokai inovasi digital

Siaran Akhbar : Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) secara rasminya telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan bergabung tenaga bagi mewujudkan kerjasama rasmi yang bertujuan untuk memupuk inovasi digital dan meneroka pelbagai inisiatif bagi kebaikan bersama.

MoU tersebut menandakan satu langkah penting ke hadapan dalam memanfaatkan teknologi baharu dalam sektor kewangan bagi menyediakan penyelesaian yang inovatif dan meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhan.

Perkongsian antara DST dan Perbadanan TAIB bertujuan untuk meneroka pelbagai bidang kerjasama, termasuk teknologi kewangan, inovasi digital dan teknologi yang baru muncul.

MoU itu juga mencerminkan komitmen kedua-dua organisasi untuk memanfaatkan kepakaran dan sumber mereka untuk menyediakan perkhidmatan kewangan yang canggih, memacu inovasi digital dan menyumbang kepada kemajuan landskap teknologi kewangan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Melalui kerjasama ini, DST dan Perbadanan TAIB berhasrat untuk meningkatkan akses kewangan, keselamatan dan kemudahan untuk orang ramai.

Pada majlis itu, Perbadanan TAIB secara rasmi melancarkan TAIBVX EPI, satu-satunya di NBD. EPI ialah pembayaran dalam talian, tepat masa dan selamat.

Acara itu turut merasmikan integrasi Perbadanan TAIB EPI ke dalam aplikasi MyDST. Ini adalah antara kerjasama yang disertakan dalam penandatanganan MoU. Dengan penyepaduan tersebut, pelanggan kini boleh menikmati kaedah pembayaran dengan lancar dan selamat apabila mendaftar keluar pada aplikasi MyDST.

"Kami sangat teruja dengan perkongsian dengan DST ini, yang menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan kami ke arah transformasi digital," ujar Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

"Dengan menggabungkan kekuatan dan kepakaran kami, kami berada pada kedudukan yang baik bagi menyampaikan penyelesaian kewangan yang inovatif dan selamat serta memenuhi keperluan pelanggan kami yang semakin berkembang.

"Kami sangat teruja untuk bekerjasama dengan Perbadanan TAIB untuk meneroka ufuk baharu dalam perkhidmatan kewangan digital," ujar Ketua Pegawai Eksekutif DST, Radin Sufri Radin Basiuni.

Dalam era ekosistem ini, perkongsian strategik adalah asas bukan sahaja untuk pertumbuhan tetapi untuk memanfaatkan pengetahuan dan kepakaran. Ekosistem tidak terhad kepada sistem tetapi yang paling penting ialah hubungan dengan rakan kongsi.

Majlis menandatangani perjanjian itu berlangsung di Aras 1.5, Theatre, Ibu Pejabat DST dan dihadiri oleh wakil utama daripada kedua-dua organisasi.

Acara itu menandakan peristiwa penting dalam komitmen bersama kedua-dua buah organisasi bagi menyampaikan perkhidmatan kewangan yang terbaik selaras dengan aliran teknologi terkini.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Semarak Perpaduan Melalui Makanan' Tarikh Tutup : 15 November 2023
2. 'Pantau Kualiti, Keselamatan Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 22 November 2023
3. 'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'. Tarikh Tutup : 29 November 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KEJOHANAN BOLA SEPAK ANTARA CAWANGAN BAGI PEGAWAI PPDB

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 11 November. - Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MSPDB) telah mengadakan



ANTARA aksi pada Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak antara cawangan bagi Pegawai PPDB yang berlangsung di padang bola Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Brunei (PPDB).

Kejohanan ini telah berlangsung sejak 20 September 2023 bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan juga turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Antara yang hadir menyaksikan perlawanan akhir berkenaan, Pengerusi-pengerusi Cawangan PPDB, Pegawai-pegawai dan juga anggota PPDB.

Perlawanan akhir berkenaan menyaksikan pertemuan antara Pasukan Pesuruhjaya Polis (PJP) dan Cawangan 'A'.

Juara bagi perlawanan yang sengit tersebut adalah Pasukan



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) semasa menyampaikan piala kepada pasukan juara Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak antara cawangan bagi Pegawai PPDB.

PJP dengan jaringan 5 - 3.

Selesai perlawanan, tetamu kehormat majlis berkesudian menyampaikan hadiah kepada Pemain Terbaik, Insp Norfaez bin Awang Sayang.

Manakala Penjaga Gawang Terbaik, Insp Nyaring anak Jaya dan juga Penjaring Terbanyak disandang oleh DSP Mohd 'Izzuddin Hanis bin Haji Mohd Salleh.

Seterusnya penyampaian piala kepada juara bagi Kejohanan Liga yang disandang oleh Pasukan PJP.

Akhir sekali penyampaian hadiah dan piala bagi Kejohanan Piala Pesuruhjaya Polis iaitu tempat ketiga kepada Cawangan 'B', naib juara kepada Cawangan 'A' dan Pasukan PJP selaku juara bagi kejohanan tersebut.

Kasuka & Ar Rawda julang piala BFL 2023



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly semasa menyampaikan hadiah bagi Anugerah Fair Play kepada Pasukan MS ABDB Perwira (atas). Manakala gambar bawah, sesi bergambar ramai bersama Pasukan Kasuka & Ar Rawda selaku juara Piala Juara Liga Futsal Brunei (BFL) 2023

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 November. - Pasukan Kasuka & Ar Rawda melakar kegemilangan dengan kejayaan menjulang Piala Juara Liga Futsal Brunei (BFL) 2023 selepas menewaskan MS ABDB Perwira dengan jaringan 5 - 4 pada perlawanan penuh dramatik dan penutup tirai kejohanan berkenaan di Dewan Serbaguna

Kompleks Sukan Stadium Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kasuka & Ar Rawda juga mencatat kehebatan tersendiri dengan kejayaan mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang 18 perlawanan sekali gus mengutip mata maksima 54 mata.

Manakala, MS ABDB Perwira pula akur dengan kutipan 48 mata

untuk menduduki tangga kedua liga dan Almeraz FC yang mengutip 43 mata menduduki tempat ketiga.

Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Kasuka & Ar Rawda berjaya menjulang piala liga dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND7,000, piala iringan dan pingat.

Sementara, MS ABDB Perwira menerima piala iringan dan wang tunai BND5,000 beserta pingat.

Manakala, Almeraz FC pula membawa pulang wang tunai BND2,500, piala iringan dan pingat.

Anugerah Pemain Terbaik kejohanan BFL 2023 diberikan kepada pemain MS ABDB Perwira, Abdul Malik bin Yunus.

Sementara, Anugerah Penjaring Terbanyak BFL 2023 dimenangi oleh Muhd. Reza Ramannia, pemain import daripada Iran, dengan 34 jaringan.

Manakala, Anugerah Pemain Terbaik Bawah Umur 21 Tahun diberikan kepada Mohammad Hazmi Kamsul daripada GG-ISC Futsal.

Anugerah Jurulatih Terbaik

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

pula disandang oleh jurulatih Kasuka Ar Rawda, Wahyu Triyanto. Sementara MS ABDB Perwira dipilih sebagai pemenang Anugerah Fair Play.

Peserta NBD sertai Asia Triathlon Cup Kota Kinabalu



ANTARA yang menyertai acara Asia Triathlon Cup anjuran X Multi Sport yang berlangsung di Prince Philip Park, Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Berita dan Foto : Ihsan Passion Ku

KOTA KINABALU, Sabtu, 11 November. - Seramai lebih daripada 10 peserta dari Negara Brunei Darussalam (NBD) telah ikut serta dalam acara Asia Triathlon Cup yang dianjurkan oleh X Multi Sport yang berlangsung Prince Philip Park, Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Kategori acara yang dipertandingkan adalah Super Sprint dan Sprint Triathlon yang mana dalam acara ini peserta dikehendaki membuat tiga disiplin sukan iaitu berenang sejauh 750m, berbasikal 20km dan berlari sejauh 5km dalam masa yang sama.

Peserta NBD telah berjaya dinobatkan sebagai naib juara pada Kategori Sprint Triathlon (Umur 30-39 Tahun) iaitu Awang Abdul Afiq Rafiuddin bin Haji Samsudin dengan catatan masa 1 jam 18 minit 51 saat, manakala tempat ketiga disandang oleh Awang Khairul Amirul bin Mohd. Adnani dengan catatan masa 1 jam 23 minit 36 saat.

Sementara itu, bagi Kategori Sprint Triathlon (Umur 40 Tahun ke atas), peserta NBD di tempat ketiga iaitu Awang Khairul Amirul bin Mohd. Adnani dengan catatan masa 1 jam 23 minit 36 saat dan bagi Kategori Sprint Triathlon (Men Relay), naib johan disandang oleh Team Anak Panyu iaitu Awang Baharuddin Nordin dan Awang Ali Nordin dengan catatan masa 1 jam 23 minit 19 saat.

Tujuan menyertai acara ini adalah untuk bergiat aktif dalam bidang sukan bagi memelihara kesihatan fizikal dan mental. Selain, memupuk semangat kesukanan, silaturahim, setia kawan serta semangat ukhuwah dalam kalangan para peserta, di samping dapat mencungkil bakat-bakat baharu.





ePaper Pelita Brunei



JABATAN PENJARA JUARA KEJOHANAN FUTSAL KHEDN



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN selaku tetamu kehormat semasa bergambar bersama para pemain (kanan). Manakala gambar atas, antara aksi pada Kejohanan Futsal Jabatan-jabatan Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alisahrin Haji Momin

BELAIT, Ahad, 12 November. - Kejohanan Futsal Jabatan-jabatan Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Mumong, Kuala Belait, di sini. Kejohanan berkenaan

dianjurkan bersama oleh Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan berkenaan, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Sebanyak 12 pasukan di bawah KHEDN termasuk pasukan KHEDN ikut serta pada kejohanan berkenaan.

Muncul juara ialah pasukan daripada Jabatan Penjara, sementara naib juara pula disandang oleh pasukan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, manakala tempat ketiga ialah pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kejohanan.

Juara pada kejohanan berkenaan menerima piala pusingan, piala iringan dan wang tunai serta sijil penyertaan. Manakala naib juara dan tempat ketiga menerima piala iringan dan wang tunai serta sijil penyertaan.

Antara tujuan mengadakan kejohanan berkenaan ialah untuk meningkatkan permainan Futsal khususnya bagi mencari bakat-bakat pemain Futsal untuk mewakili KHEDN dalam mana-mana pertandingan yang dianjurkan oleh kementerian berkenaan atau lain-lain kementerian.

Di samping itu, untuk memberi galakan dan dorongan kepada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah KHEDN untuk sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti bersukan terutama sekali permainan Futsal.

Hadir sama pada kejohanan berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, para pegawai kanan dan ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN, Pemangku Pegawai Daerah Belait serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Belait.

Rumah Amanah johan Sukan Tahunan KUPU SB

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 November. - Rumah Amanah (Rumah Merah) telah dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan Sukan Tahunan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bagi Tahun 2023 setelah mengatasi rumah sukan yang lain iaitu Fathonah, Tabligh dan Siddiq.

Sebanyak 13 sukan dipertandingkan dalam sukan tahunan yang bermula sejak 11 September yang lalu iaitu sukan Ping Pong, Catur, Sepak Takraw, Tarik Kalat, Dodgeball, Biliard, Badminton, Archery, Futsal, Bola Jaring, Boling dan Bola Sepak termasuk acara Olahraga. Majlis kemuncak Sukan

Tahunan diserikan lagi dengan Pertandingan Larian 4x100 meter dalam kalangan Institusi Pengajian Tinggi tempatan yang dijuarai oleh Pasukan Universiti Teknologi Brunei, sementara Pasukan KUPU SB 'A' serta KUPU SB 'B' tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah kepada para pemenang ialah Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Terdahulu, atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Asmaul Husna dan nyanyian Lagu Kebangsaan serta bacaan Doa Khas KUPU SB, diikuti dengan senaman ringan dan Brisk Walk, sebelum perarakan mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB untuk rumah sukan masing-masing.

Antara objektif acara termasuk untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan 'Ukhuwah Fillah' sesama pelajar, pensyarah serta kakitangan KUPU SB serta memupuk semangat berpasukan, kerjasama serta bersaing secara



RA'ES KUPU SB menyampaikan hadiah dan piala kepada johan Sukan Tahunan KUPU SB yang disandang oleh Rumah Amanah (Rumah Merah).

sihat dan profesional antara warga KUPU SB dalam pertandingan rumah-rumah sukan.

Selain itu, bagi mengenal pasti pemain-pemain yang berbakat dan berpotensi untuk mewakili KUPU SB di pertandingan peringkat universiti, dalam dan luar negara, seterusnya

meningkatkan motivasi pelajar untuk sentiasa bersemangat dengan melibatkan diri dalam apa juga aktiviti sukan.

Acara yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah tersebut dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar



ANTARA acara olahraga yang dipertandingkan dalam Sukan Tahunan KUPU SB.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

AKTIVITI BERSUKAN MENJAMIN GAYA HIDUP SIHAT